



قلست بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 33

RABU 19 OGOS, 1987.

رابعو 23 ذوالحجه 1407

PERCUMA

Utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Chun Doo-Hwan, Presiden Republik Korea (South) bersempena dengan Hari Kemerdekaan Korea pada 15 Ogos, 1987.


Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto, Republik Indonesia bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Indonesia pada 17 Ogos, 1987.

Hubungan erat terus diperkukuh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah, Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Choi Kwang Soo, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Korea sempena Hari Kebangsaan republik tersebut yang jatuh pada 15 Ogos 1987 dan kepada Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Mochtar Kusumaatmadja, Menteri Luar Republik Indonesia sempena Hari Proklamasi Kemerdekaan Republik Indonesia kali ke-42 pada 17 Ogos.

Duli Yang Teramat Mulia dalam perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Choi Kwang Soo telah melahirkan harapan agar

Lihat muka 24



UBD lahirkan bakal pemimpin yang cekap

Oleh: Dk. Fatimah PAMN

GADONG. — Universiti Brunei Darussalam (UBD) dihasratkan untuk melahirkan bakal pemimpin yang cekap, bermutu dari segi keilmuan, mempunyai ciri-ciri kepimpinan, bermoral tinggi dan berkeyakinan.

Untuk mencapai matlamat tersebut, mahasiswa dan mahasiswi akan menyedari pentingnya melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikulum untuk melatih mereka lebih bertanggungjawab, sensitif kepada keperluan dan masalah masyarakat dan mendedahkan

diri kepada ciri-ciri kepimpinan untuk memimpin masyarakat ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Demikian saranan yang diharapkan oleh Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammad Taib yang juga Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam ketika merasmikan majlis orientasi sesi 1987/88 pada 17 Ogos lepas di Dewan Jubli Perak IPSHB di sini.

Lihat muka 24

KEBERANGKATAN balik baginda di Istana Nurul Iman dijunjung dan dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha serta lain-lain kerabat Diraja. Gambar kelihatan Baginda Raja Isteri junjung ziarah ke hadapan majlis Baginda Sultan. Kelihatan juga di belakang baginda ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, putera sulung baginda. (lagi gambar-gambar sekitar keberangkatan balik Baginda Sultan dari Tanah Suci Mekah lihat muka 12 dan 13).

MANISNYA IMAN

"DAN di antara Ahli Kitab ada orang yang bila diberi amanah sepikul emas, akan dikembalikannya kepada kamu, tetapi ada pula yang bila diberi amanah walau hanya satu dinar, tidak dikembalikannya, kecuali bila engkau taghrib!" — Surah Ali-Emran ayat 75.

PETIKAN TITAH

“Perpaduan di kalangan masyarakat itu mestilah wujud dalam ikatan silaturahmi dan bersih dari sifat-sifat yang boleh mendatangkan berbagai-bagai bencana, atau kesan-kesan yang buruk seperti tamak halubakan pangkat, darjat, kuasa pada masa sekarang dan akan datang.”

Ditahikan semasa Istiadat Mengadap di Lapau sempena Hari Kebangsaan Baginda ke-37 tahuipada 15 Ogos, 1983.



19 OGOS, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

POTENSI BRUNEI DARUSSALAM DALAM PENGEMBANGAN PERSURATAN DAN KEBUDAYAAN MELAYU

POTENSI Negara Brunei Darussalam kita dalam pengembangan persuratan dan kebudayaan Melayu bukanlah suatu impian. Kejayaan cemerlang Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini mengendalikan seminar antarabangsa mengenai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu adalah bukti kukuh ke arah ini.

Dari segi ini, seminar ini telah mencatat sejarah bukan sahaja bagi Nusantara bahkan bagi dunia. Buat julung kali dalam dunia, seminar sedemikian ini dari awal hingga akhir telah dilaksanakan dengan penyampaiannya menggunakan Bahasa Melayu secara keseluruhannya. Ini telah menunjukkan kemampuan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Pakar-pakar di bidang pengajian Melayu yang terkemuka di merata dunia termasuk dari Eropah telah menyumbangkan pemikiran-pemikiran berharga dengan keseluruhannya menyampaikan dalam Bahasa Melayu.

Pemikiran bernas yang sistematik serta sensitiviti mereka dalam menegenakan persoalan-persoalan mengenai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu telah mendedahkan kita kepada suatu ruang yang lebih bersifat sejagat. Pendedahan ini merupakan pengalaman yang berguna dalam menilai mutu keserjanaan yang hendak dicapai di samping mempertajamkan lagi ilmu pengetahuan, teknik dan persepsi masing-masing.

Pemikiran-pemikiran baru yang ditemui dalam seminar ini setentunya akan dapat dimanfaatkan bukan saja bagi tujuan-tujuan penyelidikan malahan untuk memperbaiki lagi kurikulum Universiti Brunei Darussalam khususnya di bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu kerana adalah menjadi harapan kita agar pusat pengajian tertinggi itu akan dapat menjadi pusat sumber bagi semua karya dan penerbitan yang ada kaitannya dengan negara kita.

Hasrat ini dapat dicapai dengan adanya bantuan dari pusat-pusat pengajian tinggi di dunia bukan sahaja dalam bentuk pertukaran sumber dokumen, tenaga pengajar dan penuntut tetapi juga mengadakan penyelidikan bersama.

Seminar ini telah mengimbu agar sumber asli termasuk dokumen-dokumen yang berkaitan dengan negara kita yang terdapat di negara-negara lain akan sebaik-baiknya dapat kita manfaatkan sendiri jika kita dapat memperolehnya semula semata-mata bagi kepentingan ilmu pengetahuan dunia Melayu.

Dalam konteks negara kita, kepentingan pengembangan persuratan dan kebudayaan Melayu itu adalah selaras dengan konsep negara untuk terus menjadi negara Melayu Islam Beraja. Penggunaan bahasa Melayu itu adalah salah satu unsur dalam pembentukan identiti kebruneian di samping adat resam dan kebudayaan orang-orang Brunei.

IZINKANLAH saya memulakan syarahan ini dengan menyajikan serangkap syair buah pena Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, Sultan Brunei yang ke-28 yang dipetik dari syair baginda yang berjudul "Syair Perlembagaan Negeri Brunei". Petikan ini berbunyi seperti berikut:—

Perlembagaan Brunei nama ditara, setelah dicadangkan untuk negara, untuk kebajikan rakyat sugara, memperbaiki nasib derita sangsara.

Kita ingin memberi hormat yang setinggi-tingginya kepada Almarhum atas kejayaan baginda mengurniakan Perlembagaan Bertulis kepada Negara Brunei Darussalam pada tahun 1959.

Perlembagaan

Perlembagaan tersebut memasyhurkan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Pemasyhuran itu bukanlah suatu penghormatan yang diberikan kepada majoriti rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sememangnya beragama Islam tetapi sebenarnya adalah suatu pengiktirafan sejarah terhadap berakar umbunya pengaruh agama Islam itu di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sejak kurun yang ke-15 lagi. Kerasmian agama Islam itu sebenarnya dihasratkan untuk ditani sebagai suatu cara hidup yang lengkap bagi dinikmati dengan sepenuhnya oleh rakyat dan penduduk Brunei, di samping ia dicita-citakan untuk menjadi ideologi negara.

Perlembagaan Brunei itu yang bertujuan untuk memperbaiki nasib derita sangsara, dapat difahamkan bahawa rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam berkeadaan menderita dan sangsara pada ketika itu. Kerana itulah Perlembagaan Bertulis ini digubal. Marilah kita tinjau kesengsaraan dan penderitaan itu.

Nasihat British

Sebelum tahun 1888 pemerintahan Brunei terletak di tangan Sultan sepenuhnya. Ini adalah warisan turun-temurun dan telah menjadi tradisi dan kebudayaan orang-orang Brunei. Raja menjadi pemimpin yang agung dalam kerajaan dan memegang teraju pemerintahan. Akan tetapi sesudah adanya pengaruh British di Brunei dengan adanya perjanjian-perjanjian di antara Brunei dan Great Britain pada tahun 1888 dan 1906 maka kuasa pemerintahan Sultan itu mula diresep oleh nasihat British Resident yang mesti dihormati dan dipatuhi.

Perjanjian itu, sungguhpun nampaknya suatu perkara yang dibuat dengan kerelaan hati Sultan, tetapi sebenarnya kekacauan-kekacauan yang berlaku di sekitar dan di teluk rantau serta di pesisir Negara Brunei Darussalam dijadikan alasan oleh British untuk mencapai cita-citanya. Sarawak terlepas ke tangan James Brooke, dan James Brooke pula menunjukkan ketamakannya sehingga ingin memperkecilkan lagi daerah-daerah yang dikuasai oleh Brunei, sehingga Sultan Hashim terpaksa menandatangani perjanjian dengan

KETAHANAN BRUNEI DARUSSALAM MENGHADAPI UJIAN ZAMAN



SYARAHAN perdana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama dalam Seminar Antarabangsa mengenai Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan yang telah dilangsungkan di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah pada 3 Ogos, 1987.

British, kononnya bagi maksud supaya British memberi perlindungan. Ini adalah salah satu penderitaan Brunei.

Penderitaan kedua, ialah sikap British menghapuskan Hukum Kanun Brunei yang sebahagian besar hukum-hukum yang terkandung di dalam Hukum Kanun itu adalah berlandaskan ajaran-ajaran Islam. Akan tetapi dengan adanya nasihat yang mesti dihormati dan dipatuhi maka Hukum Kanun Brunei itu perlahan-lahan menuju kepupusannya.

Cuba Dikafirkan

Sebelum itu Brunei pernah menderita dengan adanya cubaan pihak Sepanyol yang bertapak di Filipina untuk mengkafirkan Brunei, sehingga Brunei ditakluk oleh Sepanyol dalam tahun 1578. Sepanyol membakar masjid di Brunei, tetapi dengan kecintaan orang-orang Brunei terhadap tanahairnya yang didorong oleh keimanan yang amat kuat kepada Allah menurut ajaran Islam maka orang-orang Sepanyol dapat diusir dari Brunei dalam tahun 1580.

Sebelum Islam berkembang di Brunei, Brunei berada di bawah pengaruh Budha dan Hindu. Brunei dipengaruhi oleh Kerajaan Seriwijaya dan dibawah takluk Kerajaan Majapahit, kedua-dua kerajaan itu bercorak Hindu.

Pengaruh Hindu

Pengaruh Hindu di Brunei dan juga di daerah lain di alam Melayu ini nampaknya tidaklah begitu tersebar di

kalangan rakyat jelata, kerana menurut Syed Mohd. Naquib Al-Attas hanya golongan atasan sahaja yang menganut agama Hindu itu dan oleh kerana sifat agama Hindu itu tidak mementingkan ajaran-ajaran yang luhur dan murni, yang terbentang dalam falsafat Hindu Asli, maka Kerajaan Hindu itu lebih mementingkan hal-hal yang berhubung dengan upacara-upacara dan mengagungkan dewa-dewa, sehingga sebahagian Raja-Raja itu mengakui bahawa mereka adalah sebagai penjelmaan daripada dewa-dewa itu. Kerana itu terdapat kesan-kesan sejarah keagungan Hindu itu seperti Candi Borobodor. Syed Mohd. Naquib Al-Attas berpendapat bahawasanya kedatangan agama Hindu ke Nusantara tidak merubah pandangan hidup umat Nusantara yang berdasarkan seni dan bukan berdasarkan falsafat.

Di Brunei tiada terdapat kesan-kesan peninggalan Hindu dalam bentuk rumah berhala, patung dan candi, sebagaimana yang terdapat di Jawa, tetapi kesan-kesan peninggalan dalam bentuk lain dapat dikesan iaitu seperti: upacara-upacara, adat istiadat, penggunaan bahasa, istiadat kahwin dan lain-lain lagi. Semuanya ini dapat dilihat di Brunei.

Contoh yang paling dekat ialah istiadat bergelar dengan membaca surat yang dinamakan ciri. Ciri itu dibaca oleh ahli agama, dan bahasa yang digunakan adalah Bahasa Sanskrit. Ciri

itu sebagai suatu pengisytiharan dan tandatangan dan dibacakan ketika seseorang dikurniakan gelaran oleh Raja. Ciri sehingga sekarang masih digunakan, tetapi diadab perubahan-perubahan disesuaikan dengan unsur keislaman.

Nama-nama gelaran yang dikurniakan kepada pembesar-pembesar negara menurut Adat Istiadat sehingga sekarang ini menampakkan pengaruh Hindu itu seperti perkataan-perkataan yang digunakan iaitu Indra Dewa, Rama, Dipa, Kema dan lain-lain lagi; dan dalam majlis pengurniaan gelaran itu beberapa alat digunakan seperti Tepak Sirih, yang diangkat ke atas bahu orang yang digelar dan kemudian diangkat ke atas kepala.

Di dalam adat perkahwinan terdapat majlis berbedar berlainan dengan memasak. Di samping itu ada adat memakan sirih yang masih disukai oleh orang tua sekarang ini.

Dalam pada itu, ada pendapat yang menyatakan bahawa perkataan "Brunei" itu sendiri berkemungkinan diambil dari Bahasa Sanskrit yang berbunyi "Varuna" yang bererti "Turunan Laut" atau "Kelahiran Laut", dan ini berkemungkinan besar memandangkan kepada kedudukan Brunei yang terletak di tepi laut dan pada kegagahan orang-orang Brunei yang menguasai laut.

Lihat muka 3



RAMALAN CUACA
←-- minggu ini --→



Di permulaan awal minggu ini, cuaca dijangka redup pada awal pagi di samping hujan di sepanjang pantai. Cuaca kemudian di akhir-akhir hari minggu ini dijangka baik.

Angin bertiup dari barat ke laut ke timur laut 5—20kmsj.

Kedua laut berombak 0.5-1.5 meter, meningkat hingga 2.2 meter di kawasan ribut. Ramalan cuaca ini adalah bagi tempoh 19 hingga 25 Ogos, 1987.

Dari muka 2

Mengenai penjelmaan dewa, menurut tuturan orang tua-tua bahawa Awang Alak Betatar adalah kononnya berasal dari alam dewa-dewa dalam bentuk sebiji telur dari kayangan yang dijatuhkan di Pulau Limbang. Dari telur itu menjelma seorang pemuda yang bergelar Sultan Dewa Mas Kayangan. Ia berkahwin dengan seorang perempuan dari Puak Murut, hasil dari perkahwinan itu lahirlah 14 orang anak yang di antaranya termasuklah Awang Alak Betatar.

Diangdangan

Pengaruh Hindu itu di Brunei dapat diperhatikan dalam cerita rakyat umumnya apa yang disebut sebagai Diangdangan. Diangdangan merupakan suatu cerita yang dibawakan oleh seseorang tukang cerita ambil dia sendiri memukul rebana bagi memeriahkan suasana sesuatu majlis ketika bercerita. Cerita yang dituturkan itu selalunya menampilkan tokoh-tokoh yang luar biasa dari segi kegagahan, kesaktian, kehandalan dan lain-lain lagi. Di antara cerita Diangdangan yang mashyur di Brunei ialah Bujang Sigandam, Sigandam Baras, Dang Rukam dan lain-lain lagi.

Kita ambil cerita Bujang Sigandam; ia mengisahkan seorang anak Raja yang handal dan sakti yang berasal dari dewa. Bujang Sigandam itu terpaksa menempuh berbagai halangan dan kesusahan, dan terpaksa bertarung dengan musuh-musuh yang handal, bagi mendapatkan idaman isterinya yang sedang mengandung.

Sebenarnya Diangdangan itu mempunyai unsur-unsur nasihat dan teladan yang baik, pengajaran dan pendidikan kepada anak-anak, di samping ia sebagai alat penghibur. Satu keistimewaan yang terdapat dalam Diangdangan ialah bahasanya yang berirama. Contohnya dalam Diangdangan Bujang Sigandam, ketika seorang berdatang sembah menjunjung titah, demikianlah bunyinya:—

Digantung patik tinggi,
dibuang patik jauh,
dibakar patik lumat,
dibakar patik angus,
dirandam patik basah.

Mana saja,
titah awakku,
titah malaiku,
tersahan di atas bahu,
terjunjung di atas duli,
pacal yang hina...

Hubungan Luar

Hubungan luar Brunei pada zaman Hindu itu tidaklah hanya setakat dengan Seriwijaya di Palembang dan Majapahit di Jawa, bahkan hubungan Brunei begitu luas sehingga ke negara China. Dalam catatan sejarah China, tersebutlah Brunei dengan nama Poli yang termasuk di dalam senarai nama-nama yang menghantar uti ke negara China dalam tahun 517, 522, 616, 630 dan 699M. Catatan-catatan itu dibuat dalam rekod-rekod semasa pemerintahan Dinasti Leong (502-566M), Dinasti Sui (589-618M) dan Dinasti Tang (618-906M).

Menurut sejarah Liang Shu yang disusun oleh Yeo Chian (mati pada tahun 623M)

bahawa Poli (Brunei) pada masa itu adalah salah sebuah Kerajaan Hindu dan Budha, dan pada tahun 518 dan 523M dua keputusan dari Poli telah direkodkan melawat China.

Brunei juga mempunyai hubungan yang rapat dengan negara-negara di sekitarnya. Hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan dengan kerabat-kerabat Diraja di Tanah Melayu adalah begitu ketara. Umpamanya Awang Alak Betatar sendiri berkahwin dengan Puteri Sultan Johor. Puteri Sultan Abdul Kahar (Raja Brunei yang ke-6) dikatakan berkahwin dengan Sultan Suluk bernama Sultan Muhammad Halim Pengiran Budiman. Hasil dari perkahwinan itu lahirlah seorang Puteri yang kemudian diperisterikan oleh Sultan Hassan, Sultan Brunei yang ke-8. Dalam zaman Sultan Hassan itulah terjalin hubungan kekeluargaan yang lebih erat melalui perkahwinan, yang natijahnya perhubungan kekeluargaan itu telah merapatkan negeri-negeri Pahang, Aceh, Mindanao, Sambas, Perak, Johor, Suluk dan Gersik di Tanah Jawa.

Umpamanya Sultan Pahang yang bernama Sultan Abdul Ghafur telah berkahwin dengan Raja Bonda, adinda kepada Sultan Hassan. Perkahwinan itu melahirkan seorang Puteri bernama Raja Abdullah yang kemudiannya berkahwin dengan Puteri Perak. Contoh seumpama ini berlaku secara berterusan merentasi beberapa zaman. Hubungan persemendaan di antara keluarga Diraja negeri-negeri Melayu ini akhirnya telah menghasilkan satu bentuk keseragaman dalam aspek peristiadatan istana, iaitu hasil daripada proses saling berambill-ambilan dan saling melengkapi di antara satu dengan yang lain.

Dari sumber sejarah Filipina pula, diceritakan bahawa 10 orang Dato dari Brunei telah pergi ke Pulau Panay dan mendarat dekat dengan sebuah bandar yang sekarang ini dikenali sebagai San Joaquin, yang dikatakan berlaku kira-kira pada pertengahan abad ke-13. Pada masa itu Pulau Panay diperintah oleh King Menikudo dan Queen Maniwantiwan, dan pen-

uduknya adalah orang Ati (Negrito). Kemudian Dato-dato dari Brunei itu membeli tanah Pamah dengan harga saduk emas (topi yang lebar tepinya) dan seutas rantai emas yang panjang. Sesudah itu tiga orang daripada Dato-dato dari Brunei itu pergi pula ke utara sampai ke Tasik Taal di Luzon (Filipina) dan akhirnya ketiga-tiga Dato itu menetap di sana. Pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah dan sesudahnya pengembang-pengembang agama Islam dari Brunei telah berdatik hingga sampai ke Luzon dan berhasil mengembangkan agama Islam di sana.

Hubungan Brunei dengan Minangkabau di antaranya adalah dijalin oleh pendakwah-pendakwah yang datang dari Minangkabau ke Brunei; dan menurut cerita orang tua-tua bahawa asal-usul (datuk) nenek Raja-Raja Brunei adalah dari cucu Raja Pagar Ruyong. Ini berkemungkinan jua yang terbukti dengan adanya gelar-gelar Patih dan Demang di Brunei.

Pada kurun ke-16 Brunei telah terdedah kepada orang-orang Eropah. Adanya lawatan-lawatan orang Itali ke Brunei di antara tahun 1505 — 1507 diikuti oleh lawatan orang Sepanyol dalam tahun 1516, kemudian lawatan Pigafetta seorang bangsa Itali yang ikut dalam rombongan Magellan mengelilingi dunia, yang singgah di Brunei dalam tahun 1521.

Dengan keterangan-keterangan di atas ternyata hubungan Brunei dengan Eropah seperti Portugis, Itali dan Sepanyol telah terjalin dan hubungan itu telah membuka suatu lapangan baru kepada Brunei. Kemenangan Portugis menakluk Melaka dalam tahun 1511 menjadikan pedagang-pedagang yang selalunya singgah ke Melaka mencari tempat lain, dan Brunei adalah menjadi salah satu tempat persinggahan mereka. Maka terdedahlah Brunei kepada bangsa-bangsa China, Melaka, Aceh, Parsi, Sepanyol, Itali malah pedagang-pedagang Portugis sendiri. Semuanya ini adalah mempengaruhi kehidupan orang-orang Brunei.

Dalam menghadapi pengaruh yang berbagai-bagai itu, Brunei sebagai bangsa Melayu yang mendiami Alam Melayu telah

KETAHANAN BRUNEI DARUSSALAM MENGHADAPI UJIAN ZAMAN

Institusi Kesultanan

tegak bertahan menerima ujian yang berkurun-kurun lamanya dan ia tetap tegak sebagai suatu bangsa yang mempunyai kebudayaan dan tradisinya yang tersendiri. Orang-orang Melayu Brunei tidak tenggelam dalam pengaruh-pengaruh asing itu bahkan sebaliknya, sebagai suatu bangsa yang ingin maju, ia sanggup memilih dan mengambil sebahagian daripada unsur kebudayaan asing itu disesuaikan dengan kehidupan orang-orang Brunei. Brunei tetap dengan teras kebudayaannya dan peradaban Melayu Brunei sebagai suatu kebudayaan yang bermutu dan bernilai berteraskan keislaman.

Perhubungan Brunei dengan negara-negara Eropah, khususnya dari segi menambah ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologi yang menjadi kebanggaan dunia sekarang ini, adalah sebagai pelengkap bagi memenuhi kehendak-kehendak hidup di zaman moden ini. Dengan sifatnya sebagai pelengkap itu maka ia tidaklah akan mengorbankan keluhuran kebudayaan dan peradaban Melayu Brunei yang berteraskan suatu ungkapan kata-kata sakti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984 dalam pemashyuran kemerdekaan, bahawa Brunei adalah sebuah Negara "Melayu Islam Beraja".

Semasa pemerintahan Awang Alak Betatar, baginda mengirim surat kepada Maharaja China pada tahun 1406 meminta jasa baik China agar Brunei terlepas dari pemerintahan Majapahit. Sesudah itu Awang Alak Betatar memasyhurkan kemerdekaan Brunei dari takluk Majapahit pada kurun ke-15M. Adalah dipercayai Brunei pada ketika itu pasti sudah mempunyai susunan pemerintahan yang baik dan kekuatan yang seimbang, kalau tidak, masakan ia berani mengambil tindakan melepaskan diri dari takluk Majapahit.

Awang Alak Betatar menyusun pentadbiran Negara Brunei dengan menubuhkan institusi Sultan sebagai kepala negara, dibantu oleh dua orang Wazir yang bergelar Bendahara dan Temenggung. Sultan Brunei yang ketiga Sultan Sharif Ali yang berketurunan dari pancar Rasulallah Sallallahu Alaihi Wasallam menguatkan perkembangan agama Islam di Brunei. Bagindalah yang memulakan pembinaan masjid dan membina kota batu. Kota batu itu dibina dengan menggunakan kepakaran China yang pada masa itu berada di Brunei di bawah pimpinan Ong Sum Ping, yang menjadi ipar kepada Sultan Ahmad (Sultan Brunei yang kedua), dan Sultan Ahmad itu pula adalah mertua kepada Sultan Sharif Ali.

Sultan Sharif Ali mangkat dalam tahun 1432M, pada masa itu Brunei sudah mempunyai tamadun dan budaya ilmu serta teknologi yang tinggi hasil dari percampuran orang-orang Brunei dengan orang-orang luar.

Cucu kepada Sultan Sharif Ali ialah Sultan Bolkiah, Raja Brunei yang ke-5. Baginda mengembangkan pengaruh Brunei dengan pesatnya, hingga meliputi seluruh Pulau Kalimantan (Pulau Borneo) dan hingga ke Filipina. Dalam zaman pemerintahan Sultan Bolkiah itu, beberapa negara kecil khasnya yang selalu diganggu oleh perompak-perompak seperti negeri-negeri Utara Pulau Borneo menyerahkan diri dan memohon perlindungan kepada Brunei.

Ini disebabkan oleh pemerintahan yang adil yang dijalankan oleh Sultan Bolkiah, menurut ajaran-ajaran Islam yang diwariskan

oleh ninda baginda, Sultan Sharif Ali. Hasil daripada perkembangan pengaruh Brunei itu maka perusahaan orang-orang Brunei pun bertambah maju dan mutu seni perusahaan semakin tinggi khasnya di bidang pertukangan emas dan perak, bertenun kain, bertukang besi dan tembaga. Ini adalah suatu tamadun yang dicapai oleh orang-orang Brunei dalam mempelbagaikan sumber ekonomi di bidang perusahaan, dengan memelihara dan meninggikan mutu seni mereka dalam bidang perusahaan yang diusahakan oleh mereka sendiri.

Pada zaman Sultan yang ke-7, Sultan Saiful Rizal, Brunei menerima ujian untuk dikafirkan oleh Sepanyol tetapi ujian itu telah dapat ditentang dengan selamatnya dan bermulalah beberapa buah negeri melepaskan diri dari pemerintahan Brunei. Tetapi Sultan yang ke-8 Sultan Hassan mempunyai rancangan yang besar bagi memajukan Brunei. Baginda mempunyai keutamaan-keutamaan dalam menjalankan pemerintahan baginda. Di antara keutamaan-keutamaan itu ialah mengemaskan pentadbiran, menyusun adat istiadat, menguatkan undang-undang Islam.

Dalam mengemaskan pentadbiran, baginda menyusun institusi-institusi pemerintahan. Pucuknya ialah Sultan. Di bawahnya empat orang Wazir, dibantu oleh 60 orang Ceteria dan 62 orang Menteri, masing-masing mereka itu dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diberi oleh Sultan, semata-mata bagi menjalankan kuasa Sultan untuk kebajikan rakyat. Di antara institusi yang paling teratur ialah susunan pentadbiran agama. Ini adalah penting kerana agama memainkan peranan utama dalam memandu Negara Brunei ke arah kesejahteraan.

Hukum Kanun

Baginda menyusun adat istiadat yang dipakai dalam upacara-upacara termasuklah kesukaan dan kedudukan. Baginda mencipta alat-alat kebesaran dan perhiasan Diraja. Mengenai usaha menguatkan Undang-Undang Islam, terciptalah Hukum Kanun yang berunsur keislaman, yang mengan-

Lihat muka 11



SEBAHAGIAN dari jemputan yang menghadiri majlis Penutup Seminar Antarabangsa Mengenal Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-394

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

Tawaatir turunnya Nabi Isa bin Maryam dari langit:

ADAPUN tawaatir hadis turun Nabi Isa bin Maryam dari langit telah ditegaskan oleh banyak ulama, telah disebutkan oleh Al-Imam Ibnu Jarir Tabari ketika ia membacakan tafsir firman Allah, Innii mutawafika waraafi'uka ilaiyya, dan Alhafiz-Alhafiz Al-Aaburi dan Al-Qurtubi dan Al-'Asqalaani, Al-Imam Ibnu 'Atiyah dalam tafsirnya yang berbunyi: Telah ijmak umat Islam di atas kandungan hadis mutawattir bahawa Nabi Isa hidup di langit dan bahawa ia akan turun (ke dunia) pada akhir zaman dan ia membunuh babi, memecahkan cross, membunuh Dajjal dan penuh keadilan dan zahir nyata agama Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan ia pergi Haji dan Umrah. Begitu juga perkataan Al-Imam Al-Fiqiyah Abu Al-Walid Ibnu Rushdul Kabir. Perkataan Al-Imam Ibnu 'Atiyah itu dinaqalkan oleh Al-Imam Abu Haiyyan dalam tafsirnya Al-Bahrul Muhiit dan ia menerimanya. Dan Al-Hafiz Ibnu Kathir telah berkata mutawattir turun Nabi Isa dalam beberapa tempat dari tafsirnya dalam tarikhnya Al-Bidaayatu Wannihayah dengan panjang lebar dan lain-lain ulama sebagaimana dalam akidah ahli Islam lishshaikh Al-Ghumari.

Adapun sabit turun Nabi Isa Alihis Salam bukan seorang daripada sahabat dan taabi'ain dan Atbaa'ut Taabi'ain dan Al-Imam-Imam (ulama besar) dan ulama dari segala mazhab sehingga zaman kita ini, berkata mutawattir bahkan banyak.

Daripada sahabat ialah dari sahabat Abu Hurairah dan athar-athar daripadanya banyak yang masyhur dan rata dan mustafidh tersebut dalam As-Sahihain dan As-Sunan dan dalam tafsir-tafsir Ibnu Kathir dan Ad-Durrul Manthur dan lain-lain. Dan sahabat Ibnu Abbas dan athar-athar daripadanya banyak dalam tafsir-tafsir Ibnu Jarir, Ibnu Kathir dan Ad-Daarul Manthur lil Imam As-Suyuti dan lain. Dan sahabat Abu Sarihata Huzafah Ibnu Asiid, sebagaimana dikeluarkan oleh Al-Hakim akan atharnya dan telah ia sahkan dalam perkara orang-orang berkata Dajjal sudah keluar. Katanya bukan, kalau dia keluar nescaya dilontar oleh kanak-kanak dan Nabi Isa akan membunuhnya iaitu dalam athar yang panjang.

Dan sahabat Abdullah bin Amru atharnya dikeluarkan oleh Ibnu Abi Shaibah bahawa Nabi Isa Ibnu Maryam apabila dilihat oleh Dajjal maka iapun takut dan Nabi Isa akan membunuhnya.

Dan sahabatnya Abdullah bin Mas'ud pula yang atharnya dikeluarkan oleh Ibnu 'Asaakir iaitu Nabi Isa akan keluar sebelum hari kiamat. Dan lain-lain sahabat sebagaimana dalam Aqidah Ahlil Islam.

Adapun athar daripada Tabi'ain dan Atba'ut Taabi'ain tiada dapat dikira banyaknya setengah daripada mereka: Sa'ed bin Al-Mujaahid, Muhammad bin Al-Hanafiah, Shahar Qataadah, Mujaahid, Muhammad bin Al-Hanafiah, Shahar bin Haushab, As-suddiyyu, Adhdhahak, Abu Malik, Ibnu Zaid, Abu Al-'Aaliyyah, Ibnu Siirin, Artaah, Ka'bun Al-Hirbi, boleh dilihat athar mereka dalam tafsir-tafsir Ibnu Jariri, Ibnu Kathir Al-Gurtubi Abu Haiyyan, Ad-Durrul Manthur, Al-Aluusi dan lain-lain pada firman-firman Allah dalam Surah-Surah An-Nisaa ayat 159, Surah Ali-'Imran ayat 46 dan lain-lain firman Allah berkenaan dengan Nabi Isa.

Adapun perkataan Al-Imam-Al-Imam (ulama-ulama besar) dan ulama Islam sangat banyak, setengah daripadanya: Al-Imam Malik berkata dalam Al-'Utbiyyah: Ketika orang hendak mendirikan sembahyang tiba-tiba Nabi Isa turun.

Perkataan Al-Imam ini disebutkan oleh Al-Baajiyu dalam syarah Al-muwatta' dan Al-Ubiyyu dalam Syarah Muslim dan tiada sabit riwayat daripadanya yang mengatakan Isa itu mati. Al-Imam Abu Hanafiah dan anak muridnya Abu Yusuf dan Muhammad bin Al-Hassan, berkata Abu Ja'afar At Tahaawi dalam kitabnya: Iktikad Ahlis Sunnah Waljama'ah 'ala Mazhab fuqahaa'il millati Abi Hanifah Wa Abi Yusofa Wa Muhammadi bin Al-Hassan bunyinya: Kita beriman dengan keluarnya Dajjal yang buta sebelah matanya yang dilaknat dikutuk, dan turun Nabi Isa bin Maryam Alaihimas Salam dari langit.

Al-Imam Ahmad dikeluarkan oleh Ibnu Abi Ya'laa dalam At-Tabaqat dan Al-Khallal dan Ibnu Al-Jauzi dalam Al-Manaqib daripada Abdus bin Malik Abi Muhammad Al-'Attar berkata: Saya mendengar Aba Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal berkata: Asal-asal dan dasar sunnah Rasulullah kepada kita ialah berpegang dengan apa yang dipegang oleh sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengikut jejak langkah mereka dan meninggalkan bid'ah dan tiap-tiap bid'ah itu maka adalah ia sesat. Kemudian ia menyebutkan suatu jumlah dari 'Aqaaid Ahlis Sunnah Waljemaah kemudian ia berkata yang bunyinya: Beriman bahawa Al-Masih dan Ad-Dajjal itu akan keluar, tertulis di hadapan dua matanya perkataan "kafir", tertulis di hadapan dua matanya dan hadis-hadis yang menyebutkan perkaranya dan beriman dengan yang demikian itu akan berlaku dan akan membunuh Dajjal itu di tempat bernama Baabu Luddin dan tersebut juga di dalam risalahnya kepada Musaddad, sebagaimana dalam Al-Manaqibu liibn al-jauzi. Dan Al-Imam Abu Al-Hassan Al-Ash-'ari dalam kitab Miqaalaatul Islaamiyyina wakhtilaaful mudhalliin berbunyi: Ringkasnya iktikad Ahli Al-Hadis dan Ahlis Sunnah iaitu

Siri ketiga



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Seri Utama Awang Haji Ismail Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan

mengaku ada Allah dan malaikat-malaikat-Nya dan kitab-Nya, Rasul-Rasul-Nya dan apa yang datang daripada Allah dan apa yang diriwayatkan oleh ulama yang Taqi (yang dipercayai) daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa mereka tiada menolak sesuatu dari perkaranya yang tersebut itu, kemudian ia sebutkan suatu jumlah dari 'Aqaaid mereka, kemudian ia berkata: Mereka membenarkan keluarnya Dajjal dan Isa bin Maryam Alaihis Salaatu Wasallam akan membunuhnya. Kemudian ia berkata: Semuanya yang kita sebutkan dan berpegang dengannya. Dan Al-Allamah Ibnu Hazm telah menegaskan tentang turunnya Nabi Isa dari langit dalam Al-Fasl dan Al-Muhalla dan Al-Allamah Al-Ubai dalam Syarah Muslim dan lain-lain sebagaimana dalam Aqidah Ahlil Islam Lish-Shaikh Abdullah Al-Ghumari.

Kita sebutkan perkara Nabi Isa dan Dajjal di atas ini kerana perkara Al-Imam Al-Mahdi itu ada tersebut di antara perkara turun Nabi Isa dan perkara-perkara keluar Dajjal itu kerana perkara-perkara membunuh Dajjal di sini, sebab Shaikhunna Allamah Muhammad Zahid Al-Kauthari yang meninggal tahun 1371 Hijrah berkata dalam Nadzaratun, 'aabiratun, maza'imi man yunkiru nuzuulo Isa Alaihis Salam (kitab-kitabnya dijual di Maktabatul Khaaniji Al-Kaherah) Adapun tawaatir hadis-hadis berkenaan Al-Mahdi dan Ad-Dajjal Al-Masih Nabi Isa tiadalah ada padanya sesuatu syak di sisi Al-Ulama Hadis dan syak yang datang daripada setengah ulama Al-Kalaam pada tawaatir setengah-setengah hadis itu mereka mengaku bahawa wajib iktikad-iktikad tanda-tanda hari kiamat semuanya itu benar ialah sebab kurangnya pengalaman mereka dalam ilmu hadis. Maka mereka boleh diizinkan dalam perkara tawaatir itu selagi mereka tidak melawan dan ingkarkan setelah didirikan hujah ke atas mereka dalam perkara-perkara itu.

Al-Imam As-Suyuti telah menegaskan bahawa kufur orang yang akan ingkarkan turun Nabi Isa Alaihis Salam sebagaimana dalam Al-I'laam yang dicetak dalam Al-Haqq dari Nadratun 'Aabirah dan juga Shaikhuna Ash-Shanqiti yang meninggal tahun 1363 dalam Zaadul Muslim.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

BERI PERHATIAN WAJAR KEPADA PENUNTUT

BERAKAS. — Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pelajaran, Datin Dayang Norsiah binti Haji Md. Daud mengingatkan guru-guru dan ibu bapa agar memberi perhatian yang wajar kepada kehidupan penuntut-penuntut.

Katanya, dalam keadaan dunia menghadapi krisis

Oleh Zubaidah HS

moral yang amat membimbangkan semua pihak ketika ini, selain dari penuntut itu sendiri perhatian dari guru-guru dan ibu bapa adalah perlu.

Penuntut-penuntut sendiri, tegasnya, hendaklah bersikap

sayangkan diri sendiri, menjaga maruah dan jangan melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

Datin Dayang Norsiah mengingatkan demikian ketika merasmikan peraduan membaca ayat-ayat suci Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-

Maktab Peringkat Negara bagi kali ke-3 yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Berakas di sini, Khamis 15 Ogos, lepas.

Menurut Datin Dayang Norsiah, penglibatan penuntut-penuntut dalam kegiatan dalam Peraduan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran adalah salah satu contoh kegiatan yang dapat memupuk penuntut-penuntut berjiwa bersih, bersemangat dan bertanggungjawab serta berdisiplin.

Perkara seumpama ini, bukan saja menguntungkan penuntut itu sendiri, malahan kepada negara. Kerana penuntut-penuntut adalah merupakan saham negara yang kelak akan menentukan beruntung atau ruginya negara pada masa akan datang, jelas Datin Dayang Norsiah.

Dalam pada itu beliau juga mengingatkan penuntut-penuntut agar mempelajari segala hukum-hukum tajwid



DATIN Dayang Norsiah binti Haji Daud sedang menyampaikan hadiah kepada Dayang Siti Norzuhairah bte Haji Damit, johan bahagian perempuan di peserta terbaik tahun ini. — Gambar oleh Harun Rashid.

dan makna dalam pembacaan Al-Quran.

Menurutnya, adalah tidak mencukupi kalau seseorang itu hanya tahu membaca, tetapi apa yang diwajibkan dalam pembacaan Al-Quran diketepikan.

Peraduan Membaca Al-Quran bagi penuntut-penuntut sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab ini adalah anjuran Unit Rohani Bahagian Kegiatan Luar Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran dan dikelolakan

oleh Sekolah Menengah Berakas.

Seramai sebelas orang penuntut, termasuk lima penuntut perempuan menyertai pertandingan tersebut. Awangku Salim bin Pg. Haji Amin dari Maktab S.O.A.S. muncul sebagai johan tahun ini dengan mendapat markah 81½ peratus. Tempat kedua dipegang oleh Awang Md. Faiz bin Haji Hussin dari Sekolah Menengah Mumong, Kuala Belait dan tempat ketiga dipegang oleh Awang Norsaidi bin Haji Ibrahim dari Sekolah Menengah Awang Semaun.



PERADUAN hari itu juga diserikan dengan persembahan nasyid. — Gambar oleh Harun Rashid.

Nama saja Islam tetapi perbuatan bukan seperti orang Islam:

SIFAT MUSLIM PERLU DIJAGA, DIPERTAHAN

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Semua manusia mahukan kesenangan serta mengharapkan kebahagiaan, dan siapapun tidak inginkan kesusahan, penderitaan dan kesengsaraan. Cuma perbezaannya ada golongan manusia yang mengharap kebahagiaan dan kesenangan dunia semata-mata. Dan sebaliknya ada pula yang mahukan kesenangan itu seimbang, iaitu kebahagiaan akhirat dan juga kebahagiaan dunia.

Manusia yang mencari kebahagiaan dunia semata-mata akan merasa puas kalau kehendak jasmannya dipenuhi, seperti mempunyai banyak wang, segala keperluan dunianya melimpah ruah, dikelilingi oleh segala kemewahan dan kenikmatan duniawi. Dia berbangga bila keperluan hidup jasmannya dapat dipuaskan, walaupun hatinya kosong dan rohaninya selalu kesakitan. Inilah golongan yang disebutkan Allah dalam ayat 200 Surah Al-Baqarah yang maksudnya:

"Maka di antara manusia-manusia ada yang berdoa wahai Tuhan kami berikanlah

kepada kami (kebaikan) di dunia dan sedangkan tidak ada baginya sedikit pun bahagian kebaikan di akhirat) Begitulah golongan yang tidak pernah memikirkan kebahagiaan di akhirat, mereka hanya hidup dalam kebendaan, di mana mereka itu pada lahirnya saja nampak senang tetapi batinnya gelisah dan diburu oleh berbagai ancaman dan ketakutan serta keresahan."

Mencapai kebahagiaan

Adapun golongan yang dinamakan orang-orang Islam yang benar-benar menghayati ajaran Islam kegiatan mereka selalu diarahkan kepada mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Atau dengan kata lain mereka tidak hanya mengejar untuk kesenangan dunia. Tetapi mereka juga berusaha untuk kebahagiaan akhirat mereka, kebahagiaan yang mereka kehendaki ialah kebahagiaan yang seimbang antara dunia dan akhirat antara rohani dan jasmani. Kerana kedua-duanya memerlukan kebahagiaan yang sama. Itulah tujuan hidup orang-orang Muslimin yang mahukan keredaan dan lindungan Allah Subhanahu Taala. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 201 yang maksudnya:

"Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami berikanlah kepada kami kekayaan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka."


Sifat seorang Muslim pastilah dijaga dan dipertahankan, jangan nama saja Islam tetapi perbuatan bukan

seperti orang bukan Islam bahkan lebih dahsyat lagi, lalai dengan tipu daya dunia, tanpa memperdulikan akhirat.

Tersangkut hati

Allah Subhanahu Wataala melukiskan penilaian yang rendah terhadap kehidupan dunia ini sebagai permainan, perhiasan dan sebagainya. Ini bukanlah bererti untuk meremehkan sama sekali kehidupan dunia tetapi sebagai satu peringatan jangan sampai manusia tersangkut hati terhadap kenikmatan yang mempersonakan sehingga melalaikan kita daripada taat dan mengingat Allah. Firman-Nya dalam Surah Al-Hadid ayat 20 tafsirnya kira-kira:

"Ketahuilah bahawa kehidupan dunia itu tidak lain melainkan permainan dan hiburan yang melalaikan serta berlumba-lumba memperbanyakkan harta benda dan anak pinak. Samalah seperti hujan (yang menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) yang menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya. Kemudian tanam-tanaman itu bergerak segar. Selepas itu engkau melihatnya berupa kuning, akhirnya menjadi hancur bersepai. Dan ketahuilah bahawa di akhirat ada azab yang berat (yang disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia) dan keampunan besar serta keredaan dari Allah (yang disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (Ingatlah) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan."



Seorang yang benar-benar mukmin tidaklah akan terpesona kepada kemewahan dan kenikmatan hidup dunia, kerana dia dapat melihat dengan mata hatinya, bahawa semua itu akan hilang dan lenyap, dia hanya menjadikan kesenangan dunia ini sebagai jambatan hidup, dia tidak bersikap rakus dan tamak terhadap kenikmatan dunia ini. Malah apa yang diusahakan hanyalah untuk mendapat kehidupan yang layak dan sesuai dengan seorang Muslim yang sederhana seperti mempunyai tempat tinggal, kenderaan, kebun, sawah, kekayaan yang wajar dan lain-lain se-

bagainya tetapi semua itu diusahakan hanyalah sebagai jambatan untuk menguatkan hatinya untuk berbakti dan beramal agar mendapat keampunan dan keredaan Allah Subhanahu Wataala di akhirat kelak.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya kira-kira:-

"Beramallah untuk kenikmatan hidup di dunia ini seolah-olah kamu akan hidup di dunia ini selamanya. Dan beramallah untuk kepentingan dan persiapan kehidupan akhirat seakan-akan kamu akan mati esok hari."

Tabur budi dengan ikhlas tanpa mengharap pujian

DALAM situasi kehidupan bermasyarakat, manusia sentiasa memberi dan menerima, sama ada berupa harta benda, tenaga ataupun buah fikiran. Oleh kerana yang demikianlah, agama Islam sangat menggalakkan supaya setiap anggota masyarakat Islam mengamalkan dua perkara falsafah hidup yang dapat menjamin keharmonian hidup masyarakat itu, iaitu: Pertama: Melupakan pemberian atau budi yang telah diberikan kepada orang lain. Kedua: Mengenang dan mengingat segala budi yang diterima daripada orang lain.

Melupakan budi atau jasa yang diberikan kepada orang lain adalah dimaksudkan supaya setiap manusia itu tidak henti-henti menabur budi dan jasa yang berasaskan kepada keikhlasan dan supaya si pemberi budi itu sentiasa bersikap rendah diri dan tawaduk.

Di sebalik itu, kalau ia sentiasa diingat dan diungkit-ungkit sama ada dengan perkataan atau dengan perbuatan, akan dapat menimbulkan sifat ria dan takbur, yang mana sifat-sifat ini sangat ditegah oleh agama.

Adapun mengingat dan mengenang pemberian atau budi yang telah diterima daripada orang lain, adalah sebagai tanda orang yang tahu membalas budi, dan membalas budi itu tidaklah semestinya dengan harta benda, kalau tidak sanggup cukuplah dengan ucapan terima kasih atau doa.

Menuju keredaan Allah

Di sebalik itu, kalau budi orang lain dilupakan atau tidak dibalas, walaupun orang yang menabur budi itu tidak berhasrat kepada balasan, bererti ia telah tidak bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan tidak mensyukuri budi orang bererti ia juga tidak bersyukur kepada Allah Taala, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang kira-kira bererti: "Tidak dinamakan bersyukur kepada Allah orang yang tidak berterima kasih kepada manusia."

Di dalam satu riwayat lain, bererti: "Diriwayatkan daripada Al-Asyast bin Qais r.a. katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: Sesungguhnya orang yang paling banyak syukurnya kepada Allah Subhanahu Wataala ialah orang yang paling banyak terima kasihnya kepada sesama manusia."

Taburlah budi dengan ikhlas tanpa mengharap pujian dan kenanglah budi orang lain sebagai tanda mensyukuri nikmat pemberian Tuhan.

Kajian Perbelanjaan Keluarga

SENARAI nama kawasan-kawasan yang terpilih dalam Kajian Perbelanjaan Keluarga 1987/1988 bagi BULAN SEPTEMBER mengikut Daerah Kajian adalah seperti berikut:—

DAERAH KAJIAN BANDAR SERI BEGAWAN: Kg. Berangan, Jalan Tutong (Kawasan Cempaka) dan Kg. Setia 'A'.

DAERAH KAJIAN BRUNEI/MUARA: Kg. Delima Satu Pg. Siraja Muda, Berakas Kem, Kg. Selayon dan Tanjung Pelompong (Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei).

DAERAH KAJIAN BELAIT: Jalan Paduka Tuan, Panaga (F6, F7, E6, E7) dan Pekan Seria.

DAERAH KAJIAN TUTONG: Tutong Kem dan Kg. Lamunin.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 19 Ogos hingga ke hari Selasa 25 Ogos, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Ogos												
19	12.26	3.38	3.39	6.31	6.32	7.42	7.43	5.04	4.51	5.05	6.15	6.16
20	12.26	3.38	3.39	6.31	6.32	7.42	7.43	5.04	4.51	5.05	6.15	6.16
21	12.26	3.37	3.38	6.30	6.31	7.41	7.42	5.04	4.51	5.05	6.15	6.16
22	12.26	3.36	3.37	6.30	6.31	7.41	7.42	5.04	4.51	5.05	6.15	6.16
23	12.25	3.35	3.36	6.30	6.31	7.40	7.41	5.04	4.51	5.05	6.15	6.16
24	12.25	3.34	3.35	6.29	6.30	7.40	7.41	5.04	4.51	5.05	6.15	6.16
25	12.25	3.34	3.35	6.29	6.30	7.39	7.40	5.04	4.51	5.05	6.15	6.16

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah selamat balik dari Tanah Suci Mekah setelah sempurna menunaikan Fardu Haji.

Liputan oleh Abd. Karim HAB

Gambar-gambar oleh
Pg. Abu Bakar PHO
dan
Pg. Bahar PHO.

Keberangkatan balik Duli Yang Teramat Mulia pada pagi Rabu minggu lalu disambut oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

SELAMAT BERANGKAT BALIK

Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Juga berada di Lapangan Terbang Antarabangsa ialah menteri-menteri kabinet, timbalan menteri dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Terdahulu sebelum itu, se-jurus Duli Yang Teramat Mulia turun dari pesawat khas, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pengarah Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.



TURUT berangkat mengalu-alukan keberangkatan balik Duli Yang Teramat Mulia termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (atas) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dijunjung ziarah (atas kiri). Sementara gambar atas kanan kelihatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dijunjung ziarah ketika berangkat balik di Hijau Balduri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dijunjung ziarah ketika berangkat ke Hijau Balduri (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah turun dari kapal terbang se-jurus pesawat tersebut mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas (atas).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah dijunjung ziarah (bawah).



BERAKAS GARISON. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abd. Aziz telah berkenan berangkat di Majlis Permuzakarah Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) yang berlangsung di Mess Pegawai ABDB di sini, Sabtu, 15 Ogos lepas.

Duli Yang Teramat Mulia merupakan penaung badan

itu, yang telah ditubuhkan sejak tahun 1984.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah.

Di awal majlis, Datin Hj. Saidah bte Md. Said yang juga Yang Dipertua BAKTI dalam ucapannya telah men-

Liputan Zubaidah HS

Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub.

jelaskan semua kegiatan BAKTI sejak mula ditubuhkan.

BAKTI yang kini mempunyai seramai 160 orang ahli telah banyak menjalankan kegiatan-kegiatan yang berbentuk kebajikan. Di antaranya mengadakan majlis keagamaan, menghulurkan sumbangan derma kepada anak-anak yatim dari ahli-ahli keluarga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan lain-lain lagi.

Menurut Datin Hajjah Saidah, BAKTI kini telah dapat menempah satu kejayaan setelah kemasukannya menjadi Ahli Majlis Wanita Brunei Darussalam. Selain dari itu BAKTI juga aktif dalam bidang sukan.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah berkenan menerima cenderamata-cenderamata yang dipersembahkan dari seluruh cawangan BAKTI.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta kerabat-kerabat Diraja yang lain kemudiannya dijunjung bagi menyaksikan persembahan dan pertunjukan urusan rumahtangga dan berbagai-bagai kegiatan BAKTI.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi BAKTI di Majlis Permuzakarah BAKTI ABDB.

BAKTI jalankan kegiatan kebajikan



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menerima cenderamata persembahan dari BAKTI (atas).

DI ANTARA ahli-ahli BAKTI yang hadir di majlis tersebut (bawah).



YANG Dipertua BAKTI, Datin Hajjah Saidah ketika menyebarkan ucapan alu-aluan.

10 PASUKAN SERTA PERADUAN MENGAMPING

PEKAN BANGAR. — Sebanyak 10 buah pasukan telah menyertai peraduan mengamping yang diadakan di sini pada 7 Ogos lepas sempena sambutan perayaan

hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-41 tahun bagi Daerah Tem-

burong.

Peraduan yang disertai oleh enam buah kampung dan empat buah jabatan kerajaan itu telah dirasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah

Temburong, Pengiran Mohd. Salleh bin Pengiran Kamaluddin.

Kampung Buda-Buda mendapat tempat pertama dalam peraduan tersebut manakala tempat kedua disandang oleh Kampong Belais dan ketiga Kampong Retaie yang bertanding dalam bahagian kampung-kampung.

Sementara itu dalam bahagian jabatan-jabatan kerajaan, pertama dijuarai oleh Jabatan Kerja Raya Bahagian Air, Kedua penghulu-penghulu dan ketiga ketua kampung dan ketiga Pasukan Polis Diraja Brunei.

Menurut Setiausaha peraduan berkenaan, Awang Samin bin Haji Momin menjelaskan tujuan peraduan tersebut diadakan ialah semata-mata untuk mengekalkan corak memproses padi ke beras cara lama agar ianya dapat diketahui oleh generasi baru.



PENOLONG Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Mohd. Salleh menumbuk amping bagi merasmikan peraduan mengamping bagi daerah tersebut. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



AMPING-AMPING yang telah ditumbuk kemudiannya ditampi dengan menggunakan nyiru. Kelihatan dalam gambar kaum ibu menampi amping yang telah ditumbuk. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Lawatan memerhati

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal dan Syarifah Naema Syed Masnor telah berlepas ke United Kingdom kerana menghadiri lawatan sambil memerhati atas jemputan The Richard Blackwell Publisher Oxford, United Kingdom selama dua minggu bermula dari 15 Ogos hingga 31 Ogos depan. Lawatan tersebut telah dikendalikan oleh The British Council.

BERAKAS. — Pemangku Pengarah Telekom, Pengiran Haji Shahmin bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail berkata seramai 238 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Telekom di sepanjang tahun 1986 telah mengikuti pelbagai kursus bagi meningkatkan prestasi kerja mereka.

Menurutnya, Jabatan Telekom akan terus berusaha mengendalikan kursus-kursus tertentu di negara ini.

'Saya berseru kepada semua pegawai dan kakitangan

jabatan ini mengambil berat semua kursus yang disediakan tanpa mengira kursus tempatan ataupun di luar negeri bagi meningkatkan kebolehan dalam kerjaya masing-masing," tambah beliau.



SEBAHAGIAN daripada peserta-peserta kursus Ibusawat Digital di majlis penyampaian sijil-sijil di Bangunan Kementerian Perhubungan. — Gambar oleh Harun Rashid.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 12 Ogos, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

1. Undang Kering 1 kilogram \$16.50/1 kati \$12.00.
 - a) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
 - b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
2. Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
 - a) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
 - b) Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
3. Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.50.
 - a) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.

TUTONG — 5082.

1. Undang Kering 1 kilogram \$18.15/1 kati \$11.00.
 - a) Lim Kian Seng No. 3, Jalan Enche Awang.
2. Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
 - a) Chop Hoe Hing No. 4 Jalan Enche Awang.
3. Aji No-Moto (350) sebungkus \$1.70.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.

SERIA — 7087

1. Undang Kering 1 kilogram \$19.80/1 kati \$12.00.
 - a) Kedai Chop Nam Wah No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
2. Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
 - a) Kedai Chung Fatt No. 7, Jalan Sultan Omarali.
3. Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.70.
 - a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT — 6083

1. Undang Kering 1 kilogram \$16.50/1 kati \$10.00.
 - a) Chop Lian Ho No. 24 Jalan Pretty.
 - b) Koh Kit Hin No. 28 Jalan Pretty.
2. Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 75 sen.
 - a) Kedai Teo Hing Hng No. 45, Jalan Pretty.
3. Aji No-Moto (350g) sebungkus \$1.60.
 - a) Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.

TINGKATKAN PRESTASI, KEBOLEHAN BEKERJA

Oleh: Abdul Karim Haji Abu Bakar

Pemangku Pengarah Telekom itu menyatakan demikian di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Ibusawat Digital kepada 28 pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan di Bangunan Kementerian Perhubungan di sini pada 15 Ogos lepas.

Beliau juga berharap para peserta kursus yang akan terpilih menjalani kursus lanjutan di luar negeri akan bersungguh-sungguh mendapatkan pengetahuan agar sekembali mereka nanti akan dapat mengendalikan dan memelihara sepenuhnya sistem ibusawat digital yang dirangkaikan tanpa bantuan dari pihak pembekal.

Setiasusaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah selaku tetamu kehormat telah menyampaikan sijil-sijil berkenaan kepada para peserta kursus.



DAYANG Hajjah Juliana binte Haji Mohd. Yusof menerima sijil dari Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah. — Gambar oleh Harun Rashid.

Sesi ceramah peperiksaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan sesi ceramah peperiksaan BJCE, GCE 'O' Level dan GCE 'A' Level bermula bulan Ogos ini.

Sesi ceramah ini akan diadakan bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini bermula jam 2.00 petang.

Oleh yang demikian pihak penganjur mempersilakan penuntut-penuntut dan orang ramai yang berminat dalam ceramah tersebut menghadirinya.

Di bawah ini disenarikan jadual sesi ceramah: —

JADUAL SESI CERAMAH PEPERIKSAAN BJCE

- Science — 19-8-1987 (Rabu)
History — 22-8-1987 (Sabtu)
Geography — 24-8-1987 (Isnin)
Pengetahuan Islam — 29-8-1987 (Sabtu)

GCE 'O' Level

- Bahasa Melayu — 10-9-1987 (Khamis)
Malay Literature — 12-9-1987 (Sabtu)
Pengetahuan Islam — 14-9-1987 (Isnin)
History — 15-9-1987 (Selasa)
Geography — 17-9-1987 (Khamis)
Economic/Principle of Account — 19-9-1987 (Sabtu)
English — 22-9-1987 (Selasa)

GCE 'A' Level

- Bahasa Melayu — 5-10-1987 (Isnin)
English as a second language — 7-10-1987 (Rabu)
Economic — 10-10-1987 (Sabtu)
Sejarah — 12-10-1987 (Isnin)
Kertas Am — 15-10-1987 (Khamis)
Pengetahuan Islam — 17-10-1987 (Sabtu)

Perkelahan sempena 20 tahun ASEAN

TUNGKU. — Sempena peringatan 20 tahun bertubuhnya Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara ASEAN, sekumpulan keluarga Diplomat ASEAN negara ini dan juga keluarga dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah mengadakan perkelahan di Pantai Tungku di sini pada Ogos lepas.

Berbagai permainan sukan kecil juga turut diadakan di antaranya pertandingan dalam guli, bermain badminton dan tarik kalat.

Perkelahan yang pertama kali dianjurkan oleh Diplomat ASEAN bersama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini adalah bertujuan untuk beramah mesra di samping mengeratkan lagi silaturahim di kalangan keluarga Diplomat ASEAN dengan keluarga pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	19.8.1987	Rabu	9.45-10.15 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	19.8.1987	Rabu	10.30-11.00 "
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	19.8.1987	Rabu	11.15-11.45 "
Sekolah Rendah Pulaie	19.8.1987	Rabu	9.30-10.30 "
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	20.8.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar	22.8.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	22.8.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Mulaut	22.8.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Birau	22.8.1987	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Kiudang	22.8.1987	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Lamunin	22.8.1987	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	24.8.1987	Isnin	8.45- 9.45 "
Sekolah Rendah Kiarong	24.8.1987	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sekolah Ingeris Berakas (Bhg Menengah)	25.8.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Anggerik Desa Berakas	25.8.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Agama Haji Md Jaafar Kg Kiulap	25.8.1987	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Urama Kampong Mata-Mata Gadong	25.8.1987	Selasa	3.30- 4.30 "
Sekolah Persediaan Ingeris Sengkuring	25.8.1987	Selasa	4.30- 5.00 "



PENUNTUT-PENUNTUT sebarang laut telah menghadiri satu majlis taklimat yang dianjurkan oleh Kementerian Perhubungan pada minggu lalu. Dalam gambar kelihatan sebahagian daripada penuntut-penuntut yang hadir di majlis tersebut. Berita lanjut di muka 24. — Gambar oleh Harun Rashid.

Hasilkan suasana r-tangga yang harmoni

KEBIJAKSANAAN WANITA

URUS RUMAHTANGGA

UNSUR PENTING

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Hamid bin Ismail berkata, kebijaksanaan kaum wanita dalam mengurus umah-tangga salah satu unsur penting dalam menghasilkan suasana rumahtangga yang harmoni.

Berucap sejour sebelum merasmikan pameran urusan umah-tangga di daerah ini, umah-tangga lepas, Awang Abdul Hamid seterusnya mengingatkan kaum wanita betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam urusan rumahtangga.

Katanya, di zaman kemajuan sains dan teknologi ini walaupun terdapat alat-alat yang boleh membantu dalam tugas harian namun ianya juga masih memerlukan ilmu pengetahuan.

Sehubungan dari itu beliau juga mengingatkan kaum wanita supaya mengambil kesempatan dari kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan seperti mengikuti kelas-kelas urusan rumahtangga.

Pameran selama sehari itu adalah salah satu acara bagi memeriahkan lagi suasana menyambut ulang-tahun perayaan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-41 tahun yang dianjurkan



DAYANGKU Zabaidah binti Pengiran Haji Ahmad ketika menerima hadiah terbaik dari Dayang Hajjah Hasnah binti Sidek.

oleh Persatuan Pertiwi dan telah mendapat sambutan yang menggalakan dari kalangan wanita di daerah itu.

Kejayaan persatuan ini dalam mengelolakan pameran seumpama ini secara tidak langsung menunjukkan adanya persefahaman dan saling bantu-membantu di antara satu sama lain, kata Datin Jusnani, Penasihat Persatuan Pertiwi Daerah

Brunei-Muara.

Menurut Datin kerjasama dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain ialah asas bagi persatuan yang sihat dan sempurna di mana ini akan dapat mengembeling tenaga ahlinya dalam mengendalikan projek-projek yang berkebaikan sebagai sumbangan kepada masyarakat dan negara.



SEBAGIAN dari yang hadir di majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan gubahan dan masakan di Daerah Belait.



KAUM ibu kita memang sangat berminat dalam bidang memasak. Di sini kelihatan sebahagian dari mereka sedang menyaksikan berjenis kuli-muli dan lauk-pauk yang dipamerkan di Daerah Temburong.

Oleh Haniza Abdullah

Gambar-gambar oleh Harun Rashid

Lebih 20 jenis gubahan dan masak-masakan telah dipamerkan di pameran itu. Di mana peserta terbaik keseluruhan dimenangi oleh Pengiran Hajjah Siah Pengiran Ibrahim dan sementara Ampuan Salmah Ampuan Tuah telah dipilih sebagai peserta yang terbanyak menyertai peraduan. Hadiah-hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawi di akhir majlis itu.

Sementara itu, pameran masak-masakan dan hasil kerja tangan wanita juga telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan di Kuala Belait pada 2 Ogos lepas.

Pengerusi bagi pihak Pengerusi Bersama, Dayang Fatimah binti Tanji berkata, penyertaan yang bertambah dari berbagai golongan kaum wanita dalam pameran seumpama itu menunjukkan peningkatan persefahaman mereka dalam mengukuhkan peraduan dan semangat setiakawan di kalangan wanita di daerah itu.

Katanya, peraduan itu sekurang-kurangnya akan memberi kesedaran kepada anak-anak gadis pentingnya memelihara mutu masakan, khususnya masakan-masakan asli.

Ketika memberikan ucapan alu-aluannya di majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang, Dayang Fatimah seterusnya menyeru kaum wanita di daerah itu supaya menggabungkan diri dalam mana-mana persatuan dan badan kebajikan yang bergiat dalam apa jua bidang yang tidak bertentangan dengan tata-susila bangsa kita.

Menurutnya, dorongan kaum ibu kepada anak-anak dalam menyertai kegiatan badan-badan kebajikan sekurang-kurangnya dapat menghindarkan mereka dari terjerumus dalam perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebanyak 39 jenis masakan dan gubahan telah dipertandingkan hari itu. Hadiah pertama terbaik telah disandang oleh Dk. Zabaidah Pg. Haji Ahmad, kedua Dk. Hadijah Pg. Hj. Mohd. Said dan ketiga dimenangi oleh Dayang Radiah binti Ahmad.

Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh isteri Pegawai Daerah Belait, Datin Zaleha binti Haji Omar, isteri Pengerusi Lembaga Bandaran Daerah Belait, Dayang Masnah binti Awang Damit dan isteri Pengurus Kakitangan Syarikat Minyak Shell, Dayang Maimunah binti Haji C.A. Mohamed dan Dayang Hajjah Hasnah binti Sidek.



DATIN Hajjah Jusnani binti Haji Lawie menyampaian hadiah kepada salah seorang pemenang.



DATIN Zaleha binti Haji Omar sedang menyampaian hadiah kepada para pemenang.

KEJAYAAN YANG CEMERLANG

AMPUAN Salmah Ampuan Tuah 38 tahun, walaupun sibuk dengan urusan melayani anak-anak yang begitu ramai tidak pernah ketinggalan menyertai mana-mana peraduan yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan wanita di daerahnya.

Beliau yang berasal dari Kampung Menengah Temburong kelihatan begitu gembira ketika ditemuramah kerana telah terpilih sebagai peserta yang terbanyak menyertai peraduan di pameran urusan rumahtangga anjuran Persatuan Pertiwi Temburong baru-baru ini.

Sebanyak lebih 20 jenis masakan dan gubahan yang telah beliau sediakan di pameran itu, dari jumlah itu lapan daripadanya telah mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga.

Bila ditanya persiapan beliau dalam menyediakan masakan dan gubahan sebanyak itu. Dengan tersenyum beliau menjelaskan dia tidak banyak menghadapi masalah kerana bidang gubah-mengubah itu merupakan bidang yang beliau minati.

Menurutnya dia telah mengadakan persiapan lebih awal iaitu seminggu sebelum

pameran diadakan dengan dibantu oleh anak-anaknya.

Katanya, mereka cuma mengeluarkan sebanyak \$100 untuk semua bahan itu, tetapi Alhamdulillah berkat usaha yang gigih itu akhirnya kami telah mendapat kejayaan yang memuaskan, jelas beliau.

Ditanya di mana memperoleh pengalaman dalam bidang tersebut, beliau menjelaskan pengalaman itu adalah diperolehinya hasil daripada mengikuti kelas urusan rumahtangga selama sebelas tahun.



AMPUAN Salmah binti Ampuan Tuah

Jemaah haji rombongan pertama selamat balik

SERAMAI 417 orang jemaah haji dalam rombongan pertama negara ini telah selamat balik ke tanahair. Penerbangan mereka dari Jeddah yang menggunakan pesawat terbang khas Syarikat Penerbangan Arab Saudi yang dijadualkan sampai kira-kira pukul 10.00 pagi pada hari Isnin, 17 Ogos lepas telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada hari berkenaan dua jam setengah lebih awal iaitu kira-kira pukul 7.50 pagi.

Berikutan dengan ketibaan sedemikian, ramai keluarga dan sanak saudara para jemaah kelim kabut dan terpaksa bergegas ke lapangan terbang setelah mendapat tahu ketibaan awal itu melalui siaran radio pada pagi hari berkenaan. Malah ada antaranya para jemaah tidak dijemput oleh keluarga mereka, terutama para jemaah dari Daerah Belait dan Temburong, dan mereka ini ada yang terpaksa menaiki teksi untuk pulang ke rumah.

Demikian juga proses mengeluarkan para jemaah dari Dewan ketibaan tidak dapat dimaklumkan melalui pembesar suara sepertimana dilakukan di tahun-tahun lepas.

Bagaimanapun dengan adanya kerjasama dan pemedulian yang teratur oleh pihak urusan haji, pihak polis keselamatan lapangan terbang serta pihak-pihak berkuasa di lapangan terbang, kepulangan para jemaah dapat berjalan dengan baik dan selamat.

Satu hal yang agak istimewa kepada kita, wujudnya kerjasama dan pemedulian berkenaan adalah dengan adanya tindakan positif dan langkah-langkah kerja yang rapi dari pihak-pihak yang bertanggungjawab, lebih-lebih lagi dengan adanya sikap yang ditunjukkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama negara kita, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain serta Timbalan beliau, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan dan lain-lain pegawai kanan yang berkenaan yang juga terpaksa bergegas berada di lapangan terbang bagi menyambut ketibaan yang diawalkan itu.

Gambar-gambar ini menunjukkan sebahagian dari para jemaah haji rombongan pertama yang balik pada hari tersebut beredar (gambar kiri) menuruni tangga untuk menuju ke tempat pemeriksaan kastam di dewan ketibaan. Gambar kanan salah seorang jemaah haji wanita yang sakit dibantu dengan kerusi roda oleh pihak perubatan yang bersedia menunggu di lapangan terbang. — Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha.



Lebih 1,000 orang sertai perarakan tanglung di Temburong

BANGAR. — Sekolah Menengah Sultan Hassan berjaya menjadi juara pasukan tanglung berjalan kaki terbaik keseluruhan dalam Perarakan Tanglung Berjalan Kaki, Kereta Berhias dan Pakaian Beragam di sini.

Lebih 1,000 orang rakyat dan penduduk terdiri dari 32 pasukan di daerah tersebut menyertai perarakan berke-

naan pada malam Ahad, 8 Ogos lepas.

Dalam bahagian tanglung berjalan kaki bagi persatuan-persatuan belia kampung-kampung dan mukim-mukim telah dimenangi oleh Kelab Demang Sari. Tempat kedua, Persatuan Lumbawang dan ketiga Pasukan Isteri-Isteri Polis.

Bagi bahagian sekolah-sekolah rendah misi dan agama, tempat pertama Sekolah Rendah Sultan Hassan, kedua Sekolah Rendah Puni, ketiga, Sekolah Rendah Bukok.

Bahagian kepala perarakan pula dimenangi oleh Sekolah Rendah Puni, kedua Sekolah Menengah Sultan Hassan dan

ketiga Jabatan Perkhidmatan Perubatan.

Manakala dalam bahagian membentuk tanglung perseorangan pula, tempat pertama dimenangi oleh Awangku Haji Masri bin Pengiran Haji Abd. Rahman, kedua Awang Sahlan bin Haji Ibrahim dan ketiga Awang Osman bin Mamit.

Bahagian pakaian beragam dewasa tempat pertama dimenangi oleh Awang Jofri bin Haji Abidin, kedua Awangku Azmi bin Pengiran Ahmad dan ketiga Awang Aswandi bin Ampuan Jumat.

Sementara dalam bahagian pakaian beragam murid-murid sekolah, tempat pertama Awang Nor Aliddin bin Lamunin dan kedua, Awang Norimy bin Haji Ahmad.

Awang Osman bin Puasa menduduki tempat pertama dalam bahagian basikal berhias, kedua Sharae bin Pandin dan ketiga, Awang Sahlan bin Haji Ibrahim.

Musabaqah Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menganjurkan musabaqah membaca ayat-ayat Suci Al-Quran yang dikelolakan bersama oleh Pusat Sejahtera Brunei, pada hari Jumaat, 19 Ogos, bertempat di Stadium Negara Hassanali Bolkiah yang bermula pada jam 7 malam.

Sebanyak lima buah jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan termasuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri akan menyertai musabaqah Al-Quran ini dijangka akan dirasmikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Md. Daud, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Guru besar hadir seminar

GADONG. — Seramai 25 orang guru besar sekolah rendah dari seluruh daerah menyertai seminar/bengkel 'Pengurusan Yang Berkesan Di Sekolah-Sekolah' di Institut Pendidikan Sultan Hassanali Bolkiah di sini.


Seminar yang bermula pada 10 Ogos lepas akan berlangsung selama 13 hari diketendalikan oleh Dr. Clive Dimmock dari University of Wales, Cardiff dan Dr. Bob Howells seorang naiz sekolah di United Kingdom.

Menurut Awang Lim Joo Jin, Pemangku Pengarah Institut Pendidikan Sultan Hassanali Bolkiah yang merasmikan majlis berkenaan, seminar itu bertujuan bagi meningkatkan mutu pendidikan khususnya proses pelajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

Selain itu ia juga bertujuan menggalakkan para guru besar mengenal-pasti peranan dan kebolehan mereka sebagai pengurus sekolah dalam meningkatkan kemahiran berkenaan.

LAPORAN TAHUNAN 83 — 84 DIJUAL

ADALAH dimaklumkan buku Laporan Tahunan Brunei Darussalam 83-84 yang diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri kini telah siap dicetak dan mula diedarkan kepada orang ramai untuk dijual dengan harga \$15.00 senaskah. Orang ramai yang berhajat mendapatkannya bolehlah membeli buku-buku tersebut di bangunan Pejabat Bahagian Penerangan, Jalan MacArthur, Bandar Seri Begawan pada waktu-waktu pejabat dibuka.



BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin menyifatkan hasil-hasil lukisan oleh para pelukis di negara ini telah pun meningkat ke tahap pencapaian yang jika dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu.

Tetapi, apapun pencapaian hasil kerja atau mutu karya kita ke arah itu, kita menurutnya perlu melihat lebih jauh lagi malah ke merata dunia supaya kita dapat menyedari di peringkat mana kita berada di samping dapat menilai kemampuan kita untuk meningkatkan hasil karya kita di bidang seni lukis.

Pengiran Md. Yassin menjelaskan senilukis mungkin ada yang hampir sebaya dengan sejarah awal peradaban manusia yang mana lukisan-lukisan terdapat di dinding-dinding gua, di ketul-ketul batu yang terbenam berkun-kun lamanya dengan tumpahan warna yang amat menakutkan adalah menggambarkan pemikiran atau darjah kebudayaan pelukis-pelukis itu pada zamannya.

"Tetapi dalam zaman pembangunan dan kebangkitan mental masa ini, baik dalam rangkaian dan pengucapan seni lukis ataupun dalam bentuk-bentuk yang lain, ianya berperanan memantangkan fikiran moden

PENCAPAIAN PELUKIS TEMPATAN MENINGKAT

Oleh Dk. Fatimah PHMN

dapat membentuk manusia menjadi insan yang beradab dan bermoral tinggi," tegas Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan itu.

Apa yang beliau harapkan, hasil-hasil lukisan yang tinggi mutunya itu akan dapat menjalin hubungan yang mesra dengan antarabangsa tanpa mengira ideologi politik, kepercayaan dan agama.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan itu bercakap ketika merasmikan pameran senilukis sempena Jubli Perak Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada 15 Ogos lalu. Tetamu kehormat itu kemudiannya menyampaikan hadiah-hadiah kepada peserta-peserta peraduan yang berjaya dan dibawa menyaksikan pameran yang disertai oleh 53 orang peserta.

Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi johan dalam peraduan senilukis bahagian cat air yang dihasilkan oleh Awang Abd. Wahab bin Haji Jaafar.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kesihatan, Pengiran Md. Yassin ketika menyaksikan pameran senilukis sejurus selepas merasmikan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Tempat kedua dimenangi oleh Awang Abidin bin Haji Rashid yang meminati lukisan sejak di bangku sekolah lagi dan mendapat dorongan yang kuat dari keluarga, kawan-kawan dan guru sekolahnya.

Tempat ketiga pula jatuh

kepada Awang Morshidi bin Haji Mohammed. Bahagian cat minyak, johan ialah Awang Abidin bin Haji Rashid, kedua Awang Md. Said bin Mahali dan Awang Ismail bin Kadir di tempat ketiga.

Manakala bahagian batik, Zakaria bin Omar mendapat tempat pertama, diikuti dengan Dayang Zubaidah bin Haji Abd. Hamid naib johan dan ketiga ialah Ak Haji Dzulkiflee bin Pengiran Haji Aliuddin.



PENGIRAN Md. Yassin, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta yang memenangi peraduan tersebut. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

KETAHANAN BRUNEI DARUSSALAM MENGHADAPI UJIAN ZAMAN

Dari muka 3

dungi 46 fasal, yang terkandung di dalam 6 bahagian: pertama mengenai Raja, kedua mengenai kesalahan-kesalahan Jenayah, ketiga mengenai pinjaman dan upah, keempat mengenai pertanian, kelima mengenai perkahwinan dan perceraian, dan keenam mengenai perniagaan.

Hukum Kanun itu tertulis dalam tulisan Jawi. Tulisan Jawi ini, yang dibawa oleh agama Islam kepada orang-orang Melayu, sebenarnya adalah suatu tulisan yang berjasa kepada rumpun Melayu sehingga ia dapat menyatupadukan mereka dalam suatu tulisan, yang dengannya mereka bergerak maju dalam proses sejarahnya ke arah zaman moden, ke arah pemanfaatan kajian saintifik dan ke arah pemupukan fahaman kebangsaan dalam peribadi masyarakat Melayu.

Di Brunei bahasa Melayu digunakan menjadi bahasa perantaraan dari semua aktiviti kehidupan sehari-hari, ia berjaya menyatukan rakyat Brunei dari berbagai-bagai suku kaum, dan ia adalah bahasa yang digunakan sebagai pengantar ilmu pengetahuan.

Setengah negeri, isu bahasa menimbulkan pergolakan tetapi Alhamdulillah di Brunei tidak pernah timbul pergolakan tersebut daripada isu bahasa sejak zaman-berzaman. Dan bagi menguatkan lagi kedudukan bahasa Melayu maka Perlembagaan Brunei 1959 telah mengkanunkan Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Rasmi Negara, dan

kedudukan itu hanyalah semata-mata sebagai suatu pengiktirafan sejarah terhadap kegunaan Bahasa Melayu itu yang sudah sememangnya dipakai oleh rakyat Brunei sejak zaman-berzaman.

Syariat Islam

Asas-asas pemerintahan Brunei sesudah datangnya Islam ke negara ini dari sejak Sultan Muhammad (Awang Alak Betatar) adalah berdasarkan kepada pegangan yang kuat orang-orang Brunei kepada ajaran-ajaran Islam itu sendiri, bukan sahaja pada peringkat kepercayaan bahkan pada peringkat amalan. Mereka mempraktikkannya sebagai suatu syariat yang mempunyai hubungan dan pertalian yang rapat dengan segenap bidang kehidupan di Brunei. Perkara ini dapat dikesan dalam cara hidup mereka selaku individu. Umpamanya sebaik saja kanak-kanak berumur kira-kira 5 tahun dia dihantar kepada guru untuk belajar mengaji, seterusnya belajar membaca kitab dan bersembahyang jemaah di balai. Dalam hidup berkeluarga urusan perkahwinan didukung oleh permuafakatan di antara kedua belah pihak, pengantin (dahulu pengantin perempuan bertutup muka) disandingkan dengan iringan selawat kepada Nabi dan doa kepada Allah. Hidup mereka bermasyarakat didukung oleh musyawarah dan hidup bergotong-royong yang diajarkan oleh Islam. Mereka memperhitungkan hal-hal permaknaan dan minuman bukan hanya dari segi rasa dan khasiatnya, bahkan dilihat juga dari sudut halal

haramnya dan ditinjau dari segi salah tidaknya dengan ajaran-ajaran Allah. Mereka hidup bernegara diasuh patuh kepada raja.

Sebagai bukti kesan-kesan Islam di Brunei amatlah ketaranya dalam pemerintahan Brunei Tua. Salah satu asasnya ialah berdasarkan syariat, yang seterusnya dalam zaman moden ini ia dikanunkan di dalam Perlembagaan sebagai agama rasminya. Ayat-ayat Quran dijadikan amalan dan zikir, termasuklah ketika menghadapi suatu perkara yang besar umpamanya perang. Ayat-ayat itu juga diukir pada alat-alat perhiasan dan kebesaran serta lambang Diraja. Hingga ke hari ini dapat dilihat dengan nyata bagaimana masyarakat Islam di Brunei menghayati ajaran-ajaran agama Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari. Rakyat Brunei menjunjung tinggi Rukun Islam yang kelima. Sebagai buktinya, kepulauan saudara-mara mereka dari Mekah sesudah menunaikan ibadah Haji disambut dengan besar-besaran termasuklah mendirikan pintu-pintu gerbang, diikuti dengan majlis doa selamat dan berzikir, di samping itu bahasa yang digunakan terhadap orang yang telah menunaikan haji itu ialah "Tuan" dan bagi orang yang bercakap itu membahaskan dirinya sebagai "Hamba", kemungkinan amalan yang wujud di Brunei seperti ini tidak terdapat di negeri-negeri Melayu yang lain, dan lagi sebahagian orang Brunei mengumpul wang mereka di

antara tujuan besarnya ialah untuk menunaikan Fardu Haji kerana itu terdapat tidak sedikit bilangan orang-orang yang telah menunaikan Fardu Haji lebih daripada empat lima kali. Ini adalah berkat pimpinan yang bijaksana dari Sultan-Sultan Brunei sejak zaman berzaman hingga ke hari ini.

Sistem Beraja

Kerana itu pengalaman rakyat Brunei dalam menghayati sistem pemerintahan beraja adalah suatu perkara yang amat menarik. Raja mempunyai kuasa memerintah yang tertinggi dan kuasa berpusat kepada Raja. Raja bukan hanya menjadi kepala negara bahkan baginda menjadi pemimpin dan tonggak yang memegang tampuk pimpinan dan teraju pemerintahan. Pengalaman sistem Beraja di Brunei sejak turun-temurun lebih dari 500 tahun yang lalu sehingga sekarang, hingga kepada keturunan yang ke-29 ini memberikan suatu gambaran yang jelas bahawasanya Brunei hidup dalam keadaan yang aman damai, dan mendapat keberkatan daripada Allah hasil pegangannya yang teguh kepada ajaran Islam, turun-temurun hingga sekarang ini.

Sungguhpun kadang-kadang sistem pemerintahan Beraja digambarkan oleh para pemerhati politik moden dengan berbagai rupa yang mungkin berdasarkan pengalaman negara-negara beraja seperti di Russia dan di Perancis pada zaman dulu tetapi setakat pengalaman Brunei hakikat yang digambarkan tidaklah seperti yang disangkakan, sebaliknya sistem pemerintahan Beraja

di Brunei yang bersendikan Agama Islam adalah suatu cara hidup yang dihayati di Brunei dengan baiknya dan menurut sejarah ianya membawa kebaikan dan kesejahteraan, dan Sistem Beraja itu telah menyelamatkan Brunei daripada huru-hara yang berlaku pada tahun 1962. Sebenarnya huru-hara itu bukanlah berpunca daripada sebarang penekanan seperti yang dialami oleh negara-negara Beraja yang lain umpamanya di Russia dan di Perancis pada zaman dulu tetapi adalah berpunca dari sebab-sebab dan pengaruh-pengaruh yang lain. Alhamdulillah Sistem Beraja di Brunei adalah sentiasa diberkati dan dinaungi oleh Allah kerana ia menjunjung ajaran-ajaran agama Islam sebagai ideologi negara.

Warisan

Sepanjang perjalanan sejarah dan sejak Brunei mengenali tulisan Jawi terdapatlah warisan-warisan budaya, baik yang bertulis di batu-batu, di nisan-nisan, di logam-logam, di pakaian-pakaian, di buku-buku dalam berbagai-bagai bentuk, mahupun yang menjadi tuturan melalui lisan, semuanya itu menggambarkan kehidupan orang-orang Melayu Brunei sejak dulu hingga sekarang. Suatu hakikat yang nyata wujudnya ialah bahawa Brunei masih kekurangan tenaga untuk menyingkap dan membongkar, menyelidik dan menyusun serta menganalisa warisan-warisan yang amat berharga itu untuk dihidangkan kepada generasi yang ada dan generasi yang akan datang. Hanyalah baru-baru ini

usaha-usaha itu dipesatkan dengan tertubuhnya Muzium Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Pusat Sejarah Brunei, Institut-Institut Pendidikan Tinggi dan juga Persatuan Asterawani di samping usaha-usaha lain.

Setakat penyelidikan yang ada terdapat berpuh-puluh naskah syair dari kesusasteraan Melayu Lama Brunei. Di antaranya ialah Syair Awang Simaun 37 jilid dengan berbagai-bagai macam versinya dan Dang Pandan Karangan mempunyai 30 jilid, dan syair-syair yang datang bersama-sama dengan agama Islam seperti Syair Berzanji, Syair Nasihat, Syair Cinta Dalam Kubur. Semua syair-syair itu menggunakan huruf Jawi dalam bahasa Melayu.

Di zaman moden ini terdapat hasil-hasil sastera yang bermutu seperti Syair Rakis, novel seperti Mahkota Yang Berdarah, Tunangan Pemimpin Bangsa, Syair Perlembagaan Negara Brunei, dan lain-lain hasil sastera yang diterbitkan oleh beberapa badan seperti Muzium Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dan lain-lain lagi.

Seminar ini merupakan salah satu wadah untuk membincangkan dengan luas dan mendalam akan keperihalan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu khasnya yang mengenai Brunei dan mungkin ia akan menjadi pendorong yang kuat ke arah usaha pembongkaran dan penganalisaan warisan budaya dan peradaban Melayu Brunei yang amat berharga itu.



Keberang DYMM Padu dari T

رَا وَذَنبًا مَغْفُورًا

"Ya Allah, Tuhanku, jadikanlah H

SEBAIK saja berangkat turun dari pesawat terbang (gambar kiri), Kebawah Duli Yang Maha Mulia (membongkok) mencium dan mengucup mesra salah seorang putera baginda, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Azim (terlindung) dengan diperhatikan oleh DYTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam yang berangkat sama di lapangan terbang bagi mengalu-alukan keberangkatan balik baginda.

DENGAN menaiki kenderaan khas (gambar kanan) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mudah dapat dilihat oleh beribu-ribu orang rakyat baginda yang sedia berbaris di sepanjang jalan dari lapangan terbang hingga ke Istana Nurul Iman bagi mengalu-alukan keberangkatan balik tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menerima junjung ziarah putera sulung baginda, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

GAMBAR-gambar oleh:
Haji Sharbini Taha, Pg.
Abu Bakar PHO dan
Harun Rashid.



MURID-MURID sekolah ini (gambar kiri) terpaksa beristirehat sebentar sementara menanti perarakan keberangkatan balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia sampai. Maklum saja! Mereka telah diarah berhimpun membuat barisan di sepanjang jalan, tiga jam lebih awal sebelum keberangkatan balik.

LAIN-LAIN ahli kerabat Diraja yang sedia menunggu di Istana Nurul Iman dengan penuh gembira dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda.



SAAT yang ditunggu-tunggu perarakan Diraja didahului oleh anggota polis bermotorsikal, dan ribuan penuntut serta murid sekolah begitu gembira selamat berangkat balik kepada baginda sambil mengibar-ngibarkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

ik Kebawah Baginda Sultan i Mekah

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا

...ha yang disyukuri, dan dosa yang diampuni.



KEGEMBIRAAN dan kesyukuran terus terbayang bagi keluarga Diraja ini. Kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima junjung ziarah dari puteri-puteri baginda.



ADAT memang tidak dapat dilupakan, kerana ianya merupakan salah satu warisan budaya bangsa kita orang-orang Brunei. Dalam gambar ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menaburkan beras kuning tanda kesyukuran menyambut atas keberangkatan balik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dari Tanah Suci Mekah.



Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Darussalam ketika berkenan memeriksa barisan kehormatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menerima pelukan ziarah dari YAM Pengiran Muda Haji Hashim sebaik-baik saja baginda berangkat turun dari pesawat terbang.



DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan yang telah berangkat sama mengiringi Baginda Sultan menunaikan Fardu Haji menerima pelukan ziarah dari YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah.

rtb Intisari minggu ini

PERKEMBANGAN BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA DI RADIO



Alam Remaja

KELUARAN Alam Remaja minggu ini akan disiarkan oleh Juara Bintang Remaja '86 Razah Md. Zain. Siarannya ialah pada hari Isnin 24 Ogos jam 4.00 petang.

Sandiwar radio:

"ASMARADANA DALAM PEJABAT"

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul 'ASMARADANA DALAM PEJABAT', tulisan A. Mohammad H.T. Brunei Darussalam.

Kisah yang bertemakan jenaka ini membawakan watak-watak bujang yang terdiri dari seorang ketua dan orang bawahannya. Kerana terlalu segan untuk berhadapan dengan perempuan, Sumarni sehingga kini masih meneruskan usia bujangnya, walaupun sudah agak terlambat untuknya memulakan alam perkahwinan.

Dalam diam-diam, Sumarni menaruh hati pada setiausahanya Zaikiah. Bagaimanapun, ia masih tidak tahu bagaimana hendak menyatakan hasratnya itu secara terus terang. Dalam pada itu pula, seorang lagi pekerja di bawahannya bernama Mawarni sangat berminat dan menaruh hati pula

kepada Sumarni. Perasaan kasihnya itu pula bolehlah dikatakan bertepuk tangan sebelah sahaja.

Kebetulan dalam masa Sumarni sukar memikirkan masalah peribadinya itu, ia menerima panggilan telefon dari sahabat lamanya bernama Kamal, yang juga sedang memikirkan perkara yang sama. Mereka sedang menghadapi masalah yang serupa!

Untuk sama-sama menghilangkan masalah itu, Kamal mencadangkan satu jalan. Sumarni juga kemudiannya bersetuju dengan cadangan Kamal itu.

Berjayakah mereka mencapai niat yang suci itu? Ikutilah kisah lucu ini melalui siarannya pada 23 Ogos, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk Rasnah Pg Haji Kahar.

BILA kita memperkatakan mengenai dengan bahasa, sastra dan budaya, Radio tidak dapat lari dari kesemua ini. Kerana nadi dan sumber utama untuk berkomunikasi adalah rangkaian dari ketiga faktor yang kita nyatakan tadi. Sejak Radio mula ditubuhkan di negara kita ini, perkara bahasa, sastra dan budaya telah memainkan peranan utama dalam mewarnakan tugas seharian.

Melalui bahasa, Radio berkomunikasi dengan mudah dan lancar, Radio pula sekaligus dapat melahirkan idea-idea dan persembahan rancangan dari kawasan bandar hingga meniti pedalaman.

Kerana itu 'trend' pembawaan tatabahasa dapat kita rasakan perbezaannya, apabila sasaran rancangan untuk menepati 'audience target'nya yang tertentu disalurkan. Di peringkat para akademik tentulah pembawaan bahasa di dalam rancangan yang disiarkan itu lebih mirip kepada satu pembawaan yang boleh diterima selaras dengan bidang keilmuan yang dipersembahkan itu. Di bidang urusniaga dan perusahaan pula, 'trend' pembawaannya tidak lari dari membawa dan mengketengahkan fakta-fakta ekonomi, di mana ianya sekaligus dapat meyakinkan kaedah rancangan kepada pendengar yang terlibat di bidang urusniaga dan perusahaan ini. Secara sedar radio memahami akan status pendengar di berbagai peringkat, kerana itu radio lebih berbicara di dalam keadaan bahasa yang boleh diterima di semua peringkat umur dan keadaan pendengar itu sendiri. Apa pun bentuk dan kaedah yang dipersembahkan keseragaman bahasa dan kualiti amat diambil perhatian berat, agar ianya tidak pula sumbang dengan pembicaraan yang tidak berpautan didengar dan disalurkan.

Rangkaian kedua pula ialah sastra, yang banyak mendukung keindahan bahasa yang disalurkan melalui radio. Penerbitan rancangan bercorak sas-

tera di radio memang sudah sekian lama diungkuhkan. Kerana ianya adalah juga wadah penyair dan pencinta sastra mengembangkan bakat dan karya mereka.

Melalui siaran Drama Radio, Sudut Cerpen, Pantun, Sajak dan juga rancangan Seni dan Sastra kita dapat mendengar bagaimana peranan Radio membantu memperkembangkan bidang sastra di tanahair kita ini. Radio dalam hal ini juga amat berterima kasih kerana sumbangan para sastrawan tanahair, telah dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan bidang ini secara positif dan pula idea-idea yang dilahirkan lebih banyak bersifat konstruktif, yang sekaligus membawa Radio berkembang kepada kedewasaan berbahasa dan bersastra.

Lantaran dari wujudnya kenyataan ini telah membolehkan Radio bertutur dengan indah dan sedap didengar, selaras pula dengan isi dan adunan bahan-bahan yang bermutu dan berkesan sekali. Radio tidak dapat menafikan sumbangan yang diberikan oleh pihak Jabatan Dewan Bahasa dan

Pustaka juga pihak Kementerian Pelajaran dalam memperkukuhkan saluran media ini sebagai wadah untuk memperkembangkan pertumbuhan bahasa dan sastra. Manfaat dari semua yang diungkuhkan dapatlah pula digunakan oleh golongan pelajar dan lainnya yang meminati bidang ini.

Ikatan kuat dari dua rangkaian bahasa dan sastra ini tidak pula dapat menghindarkan bidang budaya yang memang menjadi sumber ke arah melahirkan budaya yang sihat dan teratur lagi sempurna. Melalui Radio persoalan budaya dapat dilahirkan dengan lebih baik dan teliti, dengan pertemuan-pertemuan bersama budayawan negara dan luar negeri dapat pula Radio melahirkan peningkatan kesedaran berbudaya dengan cara yang lebih sihat dan betul. Apatah lagi pertembungan masakini yang dihadapi oleh generasi sekarang terlalu banyak menerima kejutan budaya yang bercampur-aduk, yang akhirnya akan hanya melahirkan ketidakseimbangan selera dan penentuan ber-

budaya. Di bidang bahasa ini, Radio amat dalam menilai dan membuat persembahan agar ianya bukan sahaja dapat didengar sebagai bahan pendengaran tetapi menuju ke matlamat menjadi bahan pemikir dan tindakan yang positif.

Bidang ini juga banyak berhubungkait dengan sumbangan besar dari pihak Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, yang tidak putus-putusnya memberikan sumbangan yang menggalakkan. Kerana persoalan yang ditimbulkan lebih banyak merupakan persoalan setempat yang mempunyai keunikan maannya yang tersendiri.

Dengan rangkaian dari ketiga-tiga faktor ini dapatlah Radio bergema menyumbangkan khidmatnya, kepada semua golongan dari berbagai peringkat. Dan keadaan ini akan membolehkan peranan Radio dapat digunakan sebagai salah satu sumber untuk mendapatkan ilmu dan bahan penyelidikan secara dengar. Dan juga akan tercapai hasratnya untuk menuju matlamat sebagai yang menghibur, mendidik dan memberitahu.



Siri Rancangan Tv

SEBUAH lagi siri baru telah ditayangkan melalui Televisyen Brunei bermula minggu lalu. Siri tersebut ialah 'Dress Gray'. Pada minggu ini kepada awda yang meminati rancangan tersebut jangan lupa mengikutinya di kaca TV awda pada hari Ahad 23 Ogos jam 10.55 malam.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 19 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 WIND IN THE WILLOWS
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Would Be Defender"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "Samantha Russell — Manstealer"
Bolehkah seorang pemuzik rock menghapuskan perasaan cemburu antara dua beradik, Sam dan adiknya Patti. Adakah pertalian saudara antara dua beradik ini dapat mengatasinya?
5.20 SURVIVAL: "24 Hours In The Deepest Dulwich"
Filem rencana kali ini adalah mengenai taman di Selatan Tenggara London yang berukuran 40 kaki persegi yang dipenuhi dengan pelbagai jenis serangga, binatang dan cendawan.
6.32 AZAN MAGHRIB
6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.47 SURVIVAL — sambungan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 SMALL WONDER: "Home Sweet Homeless"
7.43 AZAN ISYAK
7.48 SMALL WONDER — sambungan
L.A. LAW: "Sum Enchanted Evening"
- Merekabentuk Pakaian atau kostum untuk penerbitan rancangan TV yang merangkumi segala aspek rekabentuk fesyen, hiasan badan, pakaian sejarah (historical costume), pakaian biasa dan khas seperti dalam bentuk binatang dan seumpamanya.
- Menyediakan lukisan-lukisan rekabentuk, contoh-contoh kain/fabrik, contoh-contoh bahan, warna dan lain-lain.
- Menyelaraskan rekabentuk pakaian atau kostum dengan perhiasan rambut dan lain-lain. Bekerja rapat dengan Pereka, Penerbit dan Seksyen Solek/Pakaian, Seksyen Hartabenda.
- Mengkaji, mengekspresikan dan melaksanakan rekabentuk pakaian dengan menggunakan konsep, sumber-sumber, bahan dan masa yang ditentukan untuk mendapatkan pencapaian rekabentuk yang efektif, ekonomikal dan bermutu tinggi bagi sesebuah rancangan TV.

2. KETUA PEGAWAI FOTO

(Bilangan Kod : 009 16-314)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- i) Diploma yang diiktiraf sebanding dengan Higher National Diploma dalam jurusan Photography dari institusi yang diiktiraf.

ATAU

- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III selama lima tahun sebagai Pegawai Foto Kanan atau jawatan yang sebanding dengannya.
- Berpengalaman ataupun pernah mengikuti rombongan keluar negeri untuk membuat liputan dalam bidang penggambaran.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Menguruskan serta menyusun pembahagian tugas pegawai dan kakitangan di bawah pengawasannya berhubung dengan kerja-kerja penggambaran.

3. PENGUASA STOR-STOR

(Bilangan Kod : 093 39-114)

(Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- i) TEC/BEC Higher Diploma atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam salah satu bidang-bidang berikut : —
 - * Purchasing and Supply
 - * Business Studies/Administration
 - * Management Accounting/Accounting
 - * Bidang-bidang pengajian lain yang bersesuaian.

ATAU

- ii) Penyelenggara Stor Tingkat Khas yang mempunyai kelulusan TEC/BEC Higher Certificate yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama tiga tahun.

ATAU

- iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penyelenggara Stor Tingkat Khas tidak kurang dari lima tahun dan ditetapkan dalam jawatan.

- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam pengurusan stor dan kakitangan atau pembelian alat-alat.

4. KETUA JURUTEKNIK MAKMAL KANAN

(Bilangan Kod : 079 05-454)

(Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pelajaran)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- i) BTEC/Higher Diploma atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang kaji hayat/kaji hayat mikro dari institut yang diiktiraf.

ATAU

- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Juruteknik Makmal Kanan dalam Bahagian III selama lima tahun.
- Pengalaman dalam menyediakan keratan atau potongan tissue binatang dan tumbuhan-tumbuhan atau pengalaman dalam cara-cara mengawasi binatang bakteriaologi, teknik sel biologi (termasuk centrifugation, ujian ketulen enzim, chromatografi dan electrophoresis) merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Mengawasi kerja juruteknik/pembantu makmal dalam menjalankan tugas mereka.
- Mengajar dan melatih mereka mentadbir, menyelenggara dan memelihara peralatan makmal.
- Membantu untuk menyediakan dan menjalankan semua ujian/praktikal sebagaimana diarahkan.
- Memesan dan memelihara alatan dan kimia-kimia, dan mengumpul binatang dan tumbuhan untuk simpanan makmal.

5. PENOLONG PUSTAKAWAN

(Bilangan Kod : 079 19-114)

(Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pelajaran)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- i) Diploma in Higher Education (Library Studies) atau Diploma Sains Perpustakaan atau kelulusan yang sebanding dengannya di dalam bidang perpustakaan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian II dalam bidang perpustakaan tidak kurang dari lima tahun.

- Dapat menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris merupakan satu kelebihan.

6. PEGAWAI PENERBITAN KANAN

(Bilangan Kod : 056 15-962)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- i) HND/BTEC Higher Diploma atau yang sebanding dalam bidang penerbitan buku-buku.

ATAU

- ii) Diploma yang diakui dalam bidang penerbitan atau percetakan dan sekurang-kurangnya mempunyai lima tahun pengalaman dalam mengurus dan menyelenggarakan kerja-kerja penerbitan.

- Pernah mengikuti latihan penempatan di jabatan atau firma yang mengendalikan penerbitan merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Mengetuai cawangan dan bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian.
- Merangka, mengatur dan mengawas perancangan penerbitan buku dan semua penerbitan di peringkat prof, aturhuruf dan rekaletak.
- Bertanggungjawab terhadap disiplin dan prestasi kakitangan cawangan.
- Mempastikan kualiti kerja yang dikehendaki di peringkat aturhuruf dan rekaletak.
- Menyelaras pembahagian kerja cawangan di bawah kawalannya.

7. JURUTULIS JAWI KANAN

(Bilangan Kod : 056 16-190)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III tidak kurang dari lima tahun serta

berpengalaman luas dalam kerja-kerja khat tulisan Jawi.

- Boleh membaca, menjeja dan menulis semua jenis khat tulisan Jawi.

Lain-lain Syarat :

Dikehendaki menduduki ujian bertulis untuk memastikan kelayakan dan pengalaman.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Bertanggungjawab kepada Ketua Cawangan.
- Mengawasi kerja-kerja Jurutulis-jurutulis Jawi.
- Merekabentuk, menyemak dan menyediakan tulisan Jawi bagi semua perkara.
- Membantu mengawasi, meningkat dan meluaskan penggunaan tulisan Jawi yang betul.
- Mengusahakan penulisan dan penerbitan buku bacaan dan tulisan Jawi.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang bolch didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 September, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 78/1987

(E/499/87)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan dan dihadap-kan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perhubungan,
Tingkat 1
Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 3.00 petang 2 September, 1987.

- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda

RUJUKAN : JTB/R/TQ/4

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF UNPLASTICISED POLYVINYL CHLORIDE PIPES AND FITTINGS FOR INSTALLATION IN TELEPHONE UNDERGROUND CONDUIT WORKS.

- Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, setelah membayar wang cagaran sebanyak \$1,000.00 (dikembalikan) dan \$100.00 (tidak dikembalikan).
- Contoh-contoh bagi tawaran adalah diperlukan bagi penelitian Jabatan Telekom dan hendaklah dihantar kepada Pengarah Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 9 September, 1987.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BIL : PPL/MTB/261/1987

BORESCOPE FOR GPS.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu,

Tarikh tutup : 26 Ogos, 1987.

Cagaran : \$100.00.

Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF FIBRESCOPE AND

Dokumen-dokumen dan pen-nerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darus-salam.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI KEMAJUAN PERUMAHAN:

(Bilangan Kod: 057 31-061)

(Di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: C.3-4 EB.5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan:

a) Higher National Diploma dalam Pentadbiran Awam, Perangkaan, Pengajian Perniagaan atau kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian III dalam bidang yang berkenaan tidak kurang dari 5 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Membuat penyelidikan dan rumusan ke atas:—

i) Tanah-tanah T.O.L yang terlibat di dalam kawasan Rancangan Perpindahan.

ii) Permohonan - permohonan Rancangan Perpindahan yang dihidangkan kepada jabatan ini.

iii) Rumah-rumah yang terlibat dengan projek-projek kerajaan yang dihidangkan kepada jabatan ini bagi maksud penempatan semula dalam Rancangan Perpindahan.

iv) Perkara-perkara yang bersangkutan dengan orang-orang awam terhadap masalah perpindahan.

2. PEMANDU TINGKAT : II

(Bilangan Kod: 062 98 — 504).

(Di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan).

Tanggagaji: F.3-4 EB.5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan:

a) Umur di antara 20 hingga 40 tahun dan tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membawa kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk

bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan

Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara

Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 30 September, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 81/1987).

(E/1097/80).

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAH WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 154/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Mina bin Bulat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Hajjah Jambul binti Darat @ Jambol yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 8 September, 1987, jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 10 Ogos, 1987.

No. 122/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Ku Fook Siong @ Koo Fook Siong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Wong Ah Sing @ Wong Ah Chin yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan

didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 8 September, 1987, jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 10 Ogos, 1987.

No. 158/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Pg. Damit bin Pg. Ahmad kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Pengiran Salleh bin Pengiran Damit yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bapa kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 5 September, 1987, jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 10 Ogos, 1987.

No. PROBATE 1/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mrs. Salay Yu Khoo (Nee Lim) kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Edmund Aloysius Salay yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 5 September, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 10 Ogos, 1987.

NOTIS TENDER BSP BIL. SSU/7/87

Benda Pertama — Satu unit Tongkang Serbaguna "ROZ"

SPESIFIKASI

Pelabuhan Tempat

Mendaftar	: Bandar Seri Begawan
Tarikh dibina	: November, 1980
Kumpulan Penjenisan	: Llyods A Maltese
Limbongan	: Cheoy Lee Shipyard
	: Hong Kong
Dimensi L.O.A.	: 19.80 meter
Beam	: 5.30 meter
Draft	: 1.4 meter
Berat Kasar	: 51.24 ton
Kelajuan	: 11.4 knot
Enjin Utama	: 2 unit Caterpillar 3408
Buatan Janakuasa	: Perkins/Stamford Type MC 334A, 35KVA

Perhatian

1. Tongkang di atas yang ditambah di Sungai Belait, tentangan dengan Pelabuhan B.S.P. Menaiki/berada atas Tongkang adalah tidak dibenarkan, tanpa kebenaran Jabatan Laut B.S.P.

2. Urusan untuk melihat Tongkang ini atau untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi SSU/153, Tel. PAN 3520 atau SMR/3 Tel. No. SKB 8491.

3. Tongkang di atas akan dijual atas dasar "sebagaimana keadaannya, di mana ianya".

3. Benda-benda akan dijual atas dasar "sebagaimana keadaannya, di mana ianya".

4. Tarikh tutup menerima tender ialah pukul 0900 pada 31 Ogos, 1987 di Peti Tender Ibu Pejabat. Tender hendaklah dialamatkan di dalam sampul surat yang tertera kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tender,
Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad,
Seria,
Negara Brunei Darussalam.

Tercatat: "Notis Tender B.S.P. Bil. SSU/7/87"

5. Semua tender hendaklah disertakan dengan deposit di dalam jumlah yang di tender dalam bentuk cek yang dibayar kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd. Seria yang boleh dibayar balik jika tidak berjaya. Deposit akan hilang jika pender yang menyerahkan tender berhasrat untuk menarik balik tendernya, dan tender yang tidak disertakan dengan deposit 10% tidak akan dipertimbangkan.

6. Penyerahan tender akan dikira sebagai penerimaan pender akan syarat-syarat biasa menender yang diumumkan oleh syarikat yang mana butir-butirnya boleh didapati apabila dikehendaki dari Pejabat SSU/15, Seria, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN TELEKOM

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan dipelawa bagi PEMBEKALAN 'HARDWARE FOR MANHOLES AND JOINTING BOXES.'

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan, "TAWARAN BAGI PEMBEKALAN 'HARDWARE FOR MANHOLES AND JOINTING BOXES.'"
Bilangan Tawaran: JTB/STEE (P&D)/2/1987, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:—

Pengerusi Lembaga

Tawaran Kecil,
Kementerian Perhubungan,

Tingkat 1,
Jalan Elizabeth II,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 23 September, 1987.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Pejabat Pengarah Telekom, di Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, setelah membayar wang cagar sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$1000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

6. Pembayaran wang cagar mestilah dibayar oleh pemenang tender atau cek tempatan beserta dengan Pengesahan Bank.

TAWARAN

JABATAN

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN

ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/292/1987

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Syarikat Telekom Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan, Bangunan Tingkat 1, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: PEMELIHARAAN BANGUNAN JALAN KUA GADONG DAN BANGUNAN PEJABAT.

Tarikh tutup: 26 Ogos, 1987.

Cagar: \$100.00.

Tempoh: 2 Tahun.

Dokumen-dokumen dan perincian-perincian yang lanjut bolehlah didapati di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Lapang Terbang Lama, Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam.

KENYATAAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 31 Ogos, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN BIL.: 48/1987

18" Lawn Mower Fitted with 3.5 HP Briggs & Strattons, 4 Strokes Engine No. 92902 Tyre 18" Swing Back Cutting Blades

— 300 Nos.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh didapati dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 34, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PENGAMBILAN LELAKI YANG KE-74
BERAKHIR PADA 4 JANUARI 1988**

**SETERIA GAGAH DISANJUNG BANGSA DAN NEGARA
NEGARA AKAN BERBANGGA MEMPUNYAI PEMUDA GAGAH YANG SETERIA**

BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



Mendaftariah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Umur :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah / Penjaga :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

No. Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA**

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun, bujang atau beristeri.
4. Berat tidak kurang 47.25 kg, tinggi tidak kurang dari 1.54 meter dan berbadan sihat.
5. Awang-Awang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti : Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

MENJELANG SUKAN SEA KE-14 DI JAKARTA

TANAM SEMANGAT TINGGI BAGI CAPAI KEJAYAAN



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam menyeru ahli-ahli sukan negara yang akan berlepas menyertai Sukan Sea ke-14 di Jakarta, Indonesia September depan, menanamkan semangat yang tinggi untuk mencapai kejayaan.

Bersabda di majlis perjumpaan dengan pengurus-pengurus, juru-jurualat dan peserta-peserta Sukan Sea di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanul Bolkiah Khamis lepas, Duli Yang Teramat Mulia menyatakan semangat yang tinggi akan menjadi pendorong untuk memperolehi pingat-pingat yang dikehendaki.

Untuk memperolehi pingat, sabda Duli Yang Teramat Mulia, bermainlah dengan sebaik-baiknya. Jangan patah semangat. Kalau boleh, tambah lagi semangat itu demi untuk mencapai kejayaan.

negara kita.

Dalam perjumpaan itu Duli Yang Teramat Mulia seterusnya mengingatkan semua atlit-atlit negara supaya berhati-hati dan mematuhi setiap arahan dan peraturan yang telah diberikan oleh ketua rombongan semasa berada di sana.



MEJAR Pengiran Haji Jeluddin ketika bertanya sesuatu di majlis perjumpaan pada hari itu. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Negara hantar 104 orang atlit

SERAMAI 173 orang peserta dijangka akan menyertai Kontinjen Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara kali ke-14, Sukan Sea di Jakarta, Indonesia yang akan bermula pada 9 hingga 20 September depan.

Menurut Setiausaha Kontinjen, Awang Haji Md. Yusof Bakar, dari jumlah itu seramai 96 orang adalah peserta lelaki dan seramai lapan orang pula peserta perempuan, manakala selebihnya terdiri daripada pegawai-pegawai.

Kontinjen negara akan berlepas ke Indonesia dalam dua penerbangan bermula pada 5 dan 6 September. Sejumlah 12 dari 27 acara yang dipertandingkan dalam temasya itu akan disertai oleh negara ini. Acara-acara tersebut ialah bolasepak, olahraga, pencak silat, menembak, lumba perahu, meluncur angin, tinju, renang, golf, lumba basikal, bola keranjang, dan karate. Pencak silat, lumba perahu dan golf merupakan tiga acara baru yang diperkenalkan oleh penganjur manakala menembak dan

karate adalah acara yang baru kita sertai.

Setakat ini kesemua negara-negara ASEAN termasuk Burma dan Kampuchea yang akan diwakili oleh pemerintah campuran mengesahkan akan menyertai sukan tersebut. Sementara itu dua lagi negara di Indo Cina iaitu Vietnam dan Laos belum lagi mengesahkan penyertaan mereka.

Bagaimanapun menurut satu sumber yang dipetik dari salah sebuah akhbar di Singapura menyatakan Indonesia selaku penganjur sukan itu masih memberi peluang kepada kedua-dua negara itu untuk menyertai temasya itu.

Di kejohanan kali ini, Indonesia mengemukakan pasukan yang terbesar mengandungi 689 ahli sukan dan akan menyertai kesemua acara yang dipertandingkan. Ini diikuti oleh Filipina yang merupakan pencabar utamanya dengan 438 peserta dan akan menyertai sejumlah 24 acara. Kontinjen Singapura pula mengandungi 438 orang peserta. Malaysia akan diwakili oleh sejumlah 410

peserta. Thailand yang juga merupakan pencabar utama akan mengemukakan seramai 374 ahli sukan, manakala Burma akan diwakili oleh seramai 118 orang dan, Kampuchea hanya menghantar jumlah yang kecil iaitu 26 peserta.

Sementara itu menurut satu sumber yang diperolehi, Pengarah Majlis Olimpik Filipina, PNOC Jose Sering, meramalkan Indonesia selaku tuan rumah kejohanan ini

akan keluar sebagai juara keseluruhan sukan itu.

"Memandangkan Indonesia selaku tuan rumah, ianya mempunyai kelebihan membuat demikian selain mampu menyertai seberapa ramai athletnya nanti," jelas sumber itu.

Begitupun, jelas sumber itu lagi, Filipina akan menduduki tempat kedua dan setidak-tidaknya mampu mengatasi Thailand.

Berazam beri tentangan hebat

PENGURUS-PENGURUS dan juru-jurualat kontinjen negara ke Sukan Sea ke-14 di Jakarta berazam akan memberi tentangan hebat di kesemua 12 acara yang akan disertai oleh negara ini.

Mereka melahirkan keyakinan bahawa pengalaman, latihan, dan pendedahan yang telah diberikan kepada ahli-ahli sukan negara selama ini pasti akan memberikan cabaran sengit.

Juru-jurualat lumba

perahu, tinju, menembak dan basikal menyebut bahawa acara-acara tersebut mempunyai peluang yang baik untuk meraih salah satu daripada tiga pingat yang dipertandingkan.

Dalam pada itu, peserta tunggal negara dalam acara olahraga di temasya itu, Awang Roslan Baha juga disebut-sebut mempunyai peluang yang baik berdasarkan kepada pencapaiannya baru-baru ini dalam acara lari berhalangan.



PINGAT EMAS MATLAMAT UTAMA

KETANDUSAN negara kita untuk memperoleh pingat emas menyertai kejohanan Sukan Sea ini perlulah menjadi matlamat kepada para atlit kita yang akan bertanding di Sukan Sea ke-14 di Jakarta September depan.

Harapan menggunung dari lapisan masyarakat Brunei Darussalam perlu mendapat perhatian serius yang mahak negara mampu untuk menandingi negara-negara lain yang sudah lama berkecimpung di arena sukan antarabangsa.

Apa yang penting setiap atlit kita menanamkan semangat untuk mendapatkan pingat emas dan dengan itu barulah La Kebangsaan kita "Allah Peliharakan Sultan" akan dapat berkumandang memecah ruang stadium dan kompleks sukan di Jakarta nanti.

Masanya telah tiba bagi para atlit negara untuk menunjukkan kemampuan dan kejaguan kerana kita tidak lagi mahu mendengar ungkapan "untuk mencari pengalaman" dalam menyertai sebarang sukan bertaraf antarabangsa tetapi matlamat kita ialah mencari kemenangan atau pingat.

Perkiraan kita untuk mencari pengalaman sudah lebih daripada apa yang dijangkakan setelah mengharungi berbagai sukan yang bertaraf antarabangsa. Target utama kita ialah mencari kemenangan dan bukan lagi mencari pengalaman.

Kita yakin bahawa harapan memenangi pingat emas akan cerah sekali terutama dalam acara lumba perahu, satu acara baru yang akan dipertandingkan dalam Sukan Sea di Jakarta nanti.

Kemampuan kita di arena lumba perahu sudah lama terserlah. Tetapi persaingan yang pasti kita tempoh ini adalah kehandalan pasukan tuan rumah dan Negeri Thai. Untuk pekat-pekat kita perlu meningkatkan latihan yang sistematik serta fizikal 'fitness' yang jitu bagi menghadapi pertandingan tersebut.

Begitu juga kita berharap, petinju-petinju negara akan dapat menghasilkan pingat emas. Dalam acara ini kita telah mampu memperolehi pingat perak dalam tahun 1979 di Sukan Sea ke-10.

Berdasarkan pencapaian itu, adalah tidak mustahil jika kita memenangi pingat emas di Jakarta nanti. Petinju-petinju negara memang telah sedia ada mempunyai kemampuan untuk menyaingi petinju-petinju handalan terutama sekali dari Filipina, Indonesia dan Negeri Thai.

Lain-lain acara yang kita harapkan dapat menghasilkan pingat emas ialah dalam acara menembak dan pencak silat.

Dalam Kejohanan Olahraga Borneo di Sabah pula beliau telah berjaya meraih pingat emas dalam acara tersebut manakala sewaktu di kejohanan Olahraga Asia di Singapura Julai lalu, beliau berjaya memperbaiki rekod kebangsaan yang baru.

Menurut jurulatih olahraga, Bob Lewson, "Roslan Baha berjaya mencatatkan masa terbaik di kejohanan yang berlangsung di Singapura dan berjaya

memperbaiki rekod bar

Beliau menambah "Meskipun beliau tidak memperoleh sebarang pingat, tetapi prestasinya yang meningkat itu pasti diberi perhatian."

"Kejayannya menewatkan peserta-peserta dari negara-negara ASEAN, kecuali Malaysia amat membanggakan dan saya yakin pencapaian Roslan Baha di Sukan Sea nanti tentu akan meningkat."

MENJELANG SUKAN SEA KE-14 DI JAKARTA

Sepanjang menyertai Kejohanan Sukan Sea NEGARA HANYA MAMPU PEROLEHI 12 PINGAT



SEPANJANG penyertaan kita di Kejohanan Sukan SEA yang bermula di Kuala Lumpur 1977, negara hanya mampu memperolehi 12 pingat. Satu pingat perak dan 11 pingat gangsa.

Pingat-pingat yang disumbangkan itu adalah menerusi acara tinju satu perak dan olahraga dan tinju 11 gangsa.

Dalam tahun 1977 kita memperolehi tiga gangsa; 1979 satu perak, 1983 lima gangsa dan tiga gangsa dalam tahun 1985.

Untuk pengetahuan kita, negara langsung tidak memperolehi sebarang pingat dalam

Sukan SEA kali ke-11 yang berlangsung di Manila dalam tahun 1981.

Dan sepanjang penyertaan itu, para atlet kita belum pernah membawa walaupun sebutir pingat emas balik ke Negara Brunei Darussalam.

Atlit yang pertama kali mencipta nama di papan tanda bagi mengharumkan negara dan seterusnya mengibarkan bendera kebangsaan kita ialah Awang Haji Yaakub bin Haji Muhammad menerusi olahraga dalam acara lompat kijang di Kejohanan Sukan SEA ke-9 yang berlangsung di Kuala

Lumpur dalam tahun 1977. Tahun tersebut juga merupakan pertama kali negara kita menyertai kejohanan tersebut.

Kalau kita ukur dengan terperinci tentang pencapaian atlet-atlit negara setelah menyertai Sukan Sea dalam masa lapan tahun itu, belumlah begitu menggalakkan. Pungutan pingat negara masih lagi jauh daripada pencapaian yang dibuat oleh negara-negara lain dalam kejohanan tersebut.

Kebanyakan pungutan pingat kita adalah menerusi acara tinju. Dari petinju-petinju kitalah, negara kini telah mampu

membolot 11 pingat jika tidak negara akan ketandusan dalam pungutan pingat-pingat.

Ke arah itu, kita berharap acara-acara lain seperti bolasepak, akan

dapat menghasilkan sebarang pingat.

Mencapai kemenangan atau memperolehi pingat bukan satu perkara yang mustahil, kerana kita telah sedia ada mempunyai atlet-

atlit negara yang berpotensi dan mampu bersaing dengan atlet-atlit ternama. Cuma yang menjadi pokok utama ialah semangat ingin mendapatkan pingat perlu tersemat di setiap sanubari atlet-atlit kita.

NEGARA	EMAS	PERAK	GANSA
Thailand	93	66	59
Indonesia	62	73	76
Filipina	43	54	53
Malaysia	26	28	32
Singapura	16	12	23
Burma	13	19	3
Brunei Darussalam	0	0	3

KEDUDUKAN pungutan pingat-pingat yang dimenangi oleh negara-negara yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Sukan SEA Ke-13, di Bangkok, Thailand, pada tahun 1985.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

PERTAHANKAN

KEJUARAAN

PASUKAN Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) berjaya mengekalkan kejuaraan bagi tahun kedua berturut-turut bagi kejohanan bola jaring sekolah-sekolah menengah atas dan bawah peringkat negeri di Dewan STPRI Khamis lepas.

Pasukan C sekolah tersebut menewaskan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong dengan jaringan 10-7, manakala Pasukan B pula menewaskan Maktab Sains dengan jaringan tipis 7-6.

Sebanyak 10 pasukan iaitu lima dari kumpulan B dan lima dari kumpulan C dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Maktab Sains Jalan Muara, STPRI dan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong, bertanding di peringkat akhir perlawanan itu.



KEDUA-DUA gambar atas memperlihatkan aksi-aksi perlawanan bola jaring sekolah-sekolah menengah atas dan bawah yang telah dilangsungkan di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



BERGAMBAR ramai sejeurus sebelum berangkat ke Thailand bagi menyertai kejohanan bagi sekolah-sekolah ASEAN di Kota Bangkok. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



Sertai kejohanan sekolah- sekolah ASEAN

NEGARA kita dalam usaha untuk meningkatkan mutu sukan negara telah menyertai tiga kejohanan di Kota Bangkok, Thailand baru-baru ini.

Kejohanan tersebut ialah bagi penuntut sekolah-sekolah ASEAN yang berumur 18 tahun ke bawah. Seramai 35 orang kontingen termasuk pegawai telah dihantar bagi menyertai kejohanan tersebut.



GADONG. — Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan tegas untuk memberhentikan dermasiswa penuntut-penuntut seberang laut yang menyalahgunakan dadah, penyelewengan agama dan malas belajar serta berkelakuan tidak senonoh.

Setiausaha Tetap berkenaan, Dato Paduka Haji Razak bin Haji Muhammad berkata kementerannya akan mengambil mereka balik dan seterusnya memberhentikan dermasiswa mereka tanpa apa-apa soalan lagi.

Menegaskan demikian ketika berucap merasmikan majlis taklimat penuntut-penuntut dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam luar negeri yang berlangsung di Gadong Village di sini 15 Ogos lalu, Dato Paduka Haji Abd. Razak berkata: "Saya ingin

Penuntut yang menyalahguna dadah, malas belajar serta berkelakuan tidak senonoh

Dermasiswa mereka akan diberhentikan

tegaskan di sini bahawa Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan yang tegas dengan mengambil mereka balik dan seterusnya memberhentikan dermasiswa mereka tanpa apa-apa soalan lagi."

Kelakuan-kelakuan yang bertentangan dengan adat resam, agama dan kanun negara terutama sekali semasa berada di luar negeri, tambah Dato Paduka Haji Abd.

Razak akan memalukan orang-orang Brunei dan negara.

"Aktiviti-aktiviti anti-sosial seperti menyalahgunakan dan memiliki dadah merbahaya dan yang diharamkan, menyeleweng agama Islam yang suci, kurang berusaha dan tidak tekun belajar bukan sahaja akan memalukan ibu bapa mereka tetapi masyarakat Brunei dan negara pada amnya. Demikian juga halnya dengan perbuatan-perbuatan yang melanggar peraturan dan kanun negara di negara yang mereka tumpangi sementara," tegas Dato Paduka Haji Abd. Razak.

Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran juga menegur kelakuan-kelakuan sebilangan kecil pelajar luar negeri yang kurang sopan iaitu seperti berat untuk menegur pelawat-pelawat negara ini yang berkunjung ke sana.

Mereka yang dikurniakan dermasiswa, kata Dato Paduka Haji Abd. Razak sepatutnya berterima kasih dengan menjaga nama baik negara ini ketika berada di luar negeri.

"Tabiat kurang menegur kurang bersama-salaman, saya rasa bukanlah tabiat orang Brunei. Apakah kelebihan bersikap

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

sedemikian?" tanya Dato Paduka Haji Abd. Razak.

Terdahulu sebelum itu, pengerusi majlis, Awang Johari bin Haji Awang, Penolong Pengarah Dermasiswa, Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran menyampaikan ucapan alu-aluan.

Seramai 275 orang penun-

tut yang menyertai majlis taklimat selama empat hari yang berakhir kemarin. Majlis taklimat tersebut bertujuan antara lain untuk meningkatkan kesedaran tanggungjawab yang lebih tinggi bagi meninggikan lagi prestasi dan mutu pencapaian akademik masing-masing.

Taklimat Penuntut Dermasiswa Luar Negeri itu diumumkan oleh Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan bagi kali ketiga sejak berkementerian.

Raja yang dijunjung rakyat yang dikasihi

DARI rakaman gambar ini bayangkan betapa kasih sayang sejati dari seorang raja kepada rakyatnya tidak dapat dibatasi atau dibatasi oleh hanya kesedukupan atau pangkat, semuanya itu tetap bergerak berpaut dari kemahuan yang ada batasnya. Kerana itu sayang baginda kepada rakyatnya, baginda akan mengonsepkan buat seketika toko yang sepatutnya terdapat. Baginda telah beremudi dan sedia bersalaman dengan rakyat baginda yang sama-sama berurung-urung menghidupkan diri bagi mengalu-alukan keberangkatan balik baginda setelah selamat sempurna menunaikan Fardu Haji. Syukuran sama dirasakan di kegembiraan sama dinikmati. Demikianlah dari gambar ini, pun tidak banyak masa di baginda luangkan untuk rakyat dapat bersalaman dan berjumpa kepada baginda pada keberangkatan balik itu, namun saat yang sesingkat sudah memadai untuk menjadikannya kepada kita terhadap baginda sebagai raja yang dijunjung dan kita sebagai rakyat yang disayangi akan terus menghidupkan baginda pada masa dan di mana-mana jua.

3 RAKYAT FILIPINA DIHUKUM PENJARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pihak Polis telah berjaya menangkap tiga orang rakyat Filipina kerana bertanggungjawab dalam kes penukaran cek palsu di negara ini.

Ketiga-tiga mereka telah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi di sini pada 11 Ogos lalu. Mereka telah menghadapi 12 tuduhan menggunakan cek-cek palsu dan dua tuduhan kerana menggunakan pasport palsu.

Evangelina E. Santos telah dipenjarakan tiga tahun, sementara Ervin T. Lopez dan Cristina V. Bagabalpo masing-masing dipenjarakan dua tahun.

Tangkapan ini dibuat oleh pihak Polis berikutan beberapa pengaduan telah diterima daripada pengurus-pengurus dari 11 buah bank di Daerah Brunei dan Muara mengenai beberapa orang luar negeri telah berjaya menukarkan lebih 200 keping Travellers Cheque yang berjumlah kira-kira lebih \$76,000 Brunei.

Pengurus-pengurus bank mendapati bahawa cek-cek tersebut adalah cek-cek yang dilaporkan hilang oleh bank luar negeri yang mengeluarkan cek tersebut.

Sambungan dari muka I

Langkah tersebut tegas Yang Berhormat dapatlah kita menghargai akan keperluan untuk memimpin dan dipimpin dan membiasakan diri dengan peraturan dan disiplin.

Kerajaan, jelas Menteri Pelajaran akan menambah bilangan tenaga manusia yang mahir dan terpelajar bagi kepentingan kemajuan negara dengan menghantar penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai kerajaan keluar negeri untuk mengikuti kursus dan latihan tertentu di samping menyediakan kursus dalam negeri seperti teknikal dan vokasional.

Selaras dengan itu tambah

Yang Berhormat, maka UBD telah merangka kursus-kursus pengajian yang relevan di mana setakat ini berjalan dengan baik. Bidang-bidang pengajian ini akan terus diperkembangkan dari masa ke semasa selaras dengan keperluan negara.

Terdahulu dari itu, Dekan Pelajar, Dr. Haji Seruddin bin Dato Setiawan Haji Tinggal mengharapkan semoga minggu orientasi ini akan memberi kesan dan faedah yang berguna kepada pelajar-pelajar baru dalam menempuhi cabaran hidup di bidang intelektual dapat memahami aspirasi dan matlamat Universiti Brunei Darussalam.

Seramai 160 orang mahasiswa baru telah diterima masuk ke Universiti Brunei Darussalam bagi tahun ini dan pengajian pertama akan dimulakan pada 24 Ogos ini. Kursus itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Muda Pendidikan.

Dari muka 1 perhubungan dan kerjasama yang erat yang sedia terdapat antara kedua-dua negara akan terus dipertingkatkan dan diperluaskan lagi.

Sementara dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Profesor D. Mochtar Kusumaatmadja Duli Yang Teramat Mulia juga melahirkan harapan agar hubungan serantau dan antarabangsa akan terus dipelihara dan untuk kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan serantau dan antarabangsa.

Ke arah itu, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan kegembiraan di atas hubungan yang semakin erat dan kukuh di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia.

Lama hidup banyak dirasa,
Jauh berjalan banyak pengalaman.
Patuhi peraturan di jalan raya,
Semoga selamat dalam perjalanan.